

BAB KETIGA

BAB KETIGA: PERMASALAHAN SEKITAR QADA' DAN QADAR DAN KESAN BERIMAN KEPADANYA

3.1 Pendahuluan

:

Dalam Bab Kedua, penulis membincangkan perkara pokok mengenai qada' dan qadar. Bab Ketiga akan meluaskan lagi perbincangan dengan membentangkan isu-isu yang menjadi punca salah faham dalam memahami akidah qada' dan qadar. Semua isu dibincang secara ilmiah sehingga kekusutan dapat dirungkai. Ianya diikuti dengan perbincangan mengenai tuntutan *'ubūdiyyah* terhadap isu tersebut. Seterusnya dibincangkan pula mengenai kesan beriman kepada qada' dan qadar. Perbincangan ini menjadi penting kerana ketiadaan kesan tersebut menunjukkan lemahnya kefahaman atau goyahnya keimanan.

3.2 Permasalahan Sekitar Qada' dan Qadar

Umumnya terdapat kecenderungan yang mengatakan umat Islam di pelbagai tahap masyarakat kurang memahami konsep qada' dan qadar dengan tepat. Di sini penulis membincangkan persoalan qada' dan qadar yang selalu dijadikan polemik berserta penjelasan mengenainya.

3.2.1 Ilmu Allah Tidak Memaksa Hamba Melakukan Sesuatu

Perbuatan

Menurut Ahmad 'Umar Hashim, beriktiad bahawa Allah s.w.t mengetahui perbuatan hamba dan setiap peristiwa yang berlaku adalah satu tahap beriman kepada qada' dan qadar. Ia tercatat di Luh Mahfuz sebagai takdir semua makhluk. Namun ilmu Allah s.w.t. tidak boleh dijadikan hujah untuk meninggalkan usaha atau melakukan amalan baik.¹⁷⁵ Andainya Allah s.w.t. tidak mengetahui perbuatan hamba, sudah tentu terdapat kekurangan pada sifat-Nya. Jika perbuatan hamba berhasil tidak bertepatan dengan ilmu Allah, ia menunjukkan kejahilan dan kelemahan Allah s.w.t. Maha Suci Allah dari segala kekurangan.

Benar atau tidak ilmu Allah s.w.t. memaksa hamba melakukan sesuatu perbuatan boleh dilihat daripada tabiat ilmu. Menurut Muhammed 'Abduh, ilmu adalah suatu sifat *kāshīfah*. Mahmud Šālih mengatakan bahawa fungsi ilmu hanyalah untuk mengetahui sesuatu dengan tepat. Ilmu tiada kaitan dengan paksaan atau pemilihan untuk melakukan sesuatu.¹⁷⁶ Dalam hal ini, sebagaimana nukilan Imam Nawawi, al-Khaṭṭābi berkata:

"Ramai orang menyangka bahawa qada' dan qadar bermakna Allah s.w.t. memaksa hamba mengikut apa yang telah ditetapkan. Hakikatnya

¹⁷⁵ Ahmad Umar Häshim, (Dr), *Manhaj al-Islām fī al-'Aqīdah wa al-'Ibādah wa al-Akhlāk*, t.c., Nahdat Miṣr, Kaherah, 1997, hal. 22. Lihat juga, al-Būṭi, Muḥammad Sa'id Ramaqān, *Hurrīyyah al-Insān fī Zill Ubūdiyyatih li Allah*, Dār al-Fikr, Beirut, 1992, hal. 43-44. Lihat juga, al-Būṭi, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah Wujūd al-Khāliq wa Waṣīfah al-Makhlūk*, Dār al-Fikr, Damsyik, 1411H, hal. 160.

¹⁷⁶ Muhammed 'Abduh, *Risālat al-Tawhīd*, Dār al-Shuruq, Kaherah, 1994, hal. 65-66. Lihat juga, al-Baghdādī, Maḥmūd Šālih, *Iṛshād al-Anām fī Aqā'id al-Islām*, hal. 112. Lihat juga, al-Būṭi, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah*, hal. 161. Lihat juga, Maḥmūd Shaltūt, *al-Islām Aqīdah wa Sharī'ah*, Cet. 17, Dār al-Shuruq, Kaherah, 1997, hal. 50-51. Lihat juga, Ahmad 'Umar Häshim (Dr), *Manhaj al-Islām fī al-'Aqīdah wa al-'Ibādah wa al-Akhlāk*. Lihat juga, Arsalān, Shakib, *līmādhā Ta'akhkhar al-Muslimūn wa līmādhā Taqaddam Ghayruhūm*, Dār Maktabah al-Hayāh, Beirut, 1969, hal. 115.

bukan begitu. *Qada`* dan *qadar* ialah pemberitahuan bahawa Allah s.w.t. mengetahui segala usaha hamba dan ianya terjadi betepatan dengan ilmu -Nya”¹⁷⁷

Supaya lebih jelas, berpandukan kitab *Aqidat al-Muslim wa mā Yattaṣil bihā*, dibawa tiga bentuk analogi; pertama, seorang ayah mempunyai dua orang anak. Si ayah mengetahui benar sifat kedua-dua anaknya. Anak pertama suka berbelanja dengan cermat. Anak kedua pula bersifat boros. Suatu hari mereka diberi lima puluh ringgit seorang bagi perbelanjaan seminggu. Selepas berlalu empat hari, anak kedua meminta perbelanjaan tambahan kerana kehabisan wang. Si ayah enggan memberi wang tambahan kerana kecuaianya ketika berbelanja. Adakah pengetahuan si ayah tentang sifat boros anaknya memaksa ia menghabiskan wang perbelanjaan sebelum cukup tempoh seminggu? Adakah pengetahuan si ayah tentang anak yang suka berjimat cermat memaksanya berbelanja dengan cermat? Sudah tentu tidak. Kedua, seorang ayah mengetahui kesungguhan anaknya dalam pembelajaran. Justeru, si ayah yakin anaknya akan mendapat kejayaan cemerlang. Akhirnya anak itu benar-benar berjaya seperti yang dijangka. Adakah pengetahuan dan jangkaan si ayah mempengaruhi kejayaan tersebut? Sudah tentu tidak. Ketiga, seorang pereka cipta telah mencipta sebuah robot. Dia mengetahui daya kekuatan, ketahanan dan tempoh pergerakan robot itu. Adakah pengetahuan mengenai robot itu mempengaruhi kebolehan yang ada padanya? Sudah tentu tidak.¹⁷⁸

¹⁷⁷al-Nawawi, *Sharḥ al-Nawawi `alā Ṣahīḥ Muslim*, Cet. 2, Jilid 1, hal. 154-155. Lihat juga, Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, Tabqīq Muḥammad Fu’ād Abd al-Bāqī, Jilid 11, hal. 509.

¹⁷⁸Untuk pendetailan contoh-contoh sila rujuk, al-Sā’ih, *Aqidat al-Muslim wa mā Yattaṣil bihā*, hal. 143-145.

Jikalau manusia pun tahu mengenai ciptaan mereka, sudah tentu Allah s.w.t. lebih mengetahui. Tetapi ilmu semata-mata tidak memberi kesan. Ilmu tidak memaksa agar sesuatu perbuatan dibuat atau ditinggalkan.

3.2.2 Iradat Manusia Benar-benar Wujud

Menurut al-Būjī¹⁷⁹, terdapat pendapat salah yang mengatakan iradat manusia pada hakikatnya tidak wujud kerana Allah yang memberikan iradat itu. Apabila Allah memberikan iradat dan ikhtiar tentulah Dia juga yang mengawal segala azam dan ikhtiar manusia kerana Dialah Pencipta segala sesuatu.¹⁷⁹ Menurut al-Sayyid Sābiq, mengatakan manusia tidak boleh memilih atau pilihannya ditentukan Allah adalah tidak benar. Mereka yang berkata begitu membohongi perasaan dan realiti kehidupan yang dipenuhi oleh perbuatan *ikhtiyārī* dan *iqtirārī*.¹⁸⁰ Menurut 'Abd al-Rahmān Hanabbakah pula, mereka yang diberi kemampuan memilih dengan yang tidak diberi adalah tidak sama.¹⁸¹

Jelas al-Būjī, kalau kedua-dua individu ~~tadi~~ sama, lebih baik Allah tidak memberi terus kemampuan membuat pilihan kepada hamba. Perhatikan kenyataan ini; Zaid yang diberi iradat tidak mampu membuat pilihan kerana hak itu dicipta oleh Allah. Khalid yang tidak diberi iradat juga tidak boleh membuat pilihan. Kenyataan ini menunjukkan Zaid dan Khalid berbeza pada satu tahap iaitu Zaid diberi iradat manakala Khalid tidak diberi. Tetapi dari sudut lain tiada perbezaan di antara keduanya

¹⁷⁹ al-Būjī, *Hurriyyah al-Insān fī Zill Ubūdiyyatih li Allah*, hal. 46.

¹⁸⁰ al-Sayyid Sābiq, *al-'Aqā'id al-Islāmiyah*, t.c., al-Fath li al-Ilāhn al-Arabi, Kaherah, 1992, hal. 90.

¹⁸¹ Abd al-Rahmān Hasan Hanabbakah al-Maydāni, *al-'Aqīdah al-Islamiyah wa Ususuhā*, Cet. 7, Dār al-Qalam, Damsyik, 1994, hal. 648. Lihat juga, al-Būjī, *Hurriyyah al-Insān fī Zill Ubūdiyyatih li Allah*, hal. 47.

kerana mereka tidak dapat membuat pilihan sendiri. Zaid tidak mampu berbuat demikian kerana ia berkait dengan iradat Allah. Khalid juga tidak mampu kerana tidak diberikan langsung hak itu. Kenyataan ini tidak lojik dan tidak diterima akal.¹⁸²

3.2.3 Manusia Tidak di Paksa Untuk Beriman atau Kufur

Banyak ayat al-Quran pada zahirnya menjelaskan manusia dibelenggu oleh iradat Allah s.w.t. Allah memberi hidayat atau menyesatkan hamba mengikut kehendaknya. Hamba hanya mengikut, tiada upaya menentang atau memilih.¹⁸³ Di antara ayat tersebut ialah firman Allah s.w.t., *Sūrah al-An`ām*, 6:149:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Oleh itu, jika Ia menghendaki tentulah Ia akan memberi hidayah petunjuk kepada kamu semuanya".

Menurut al-Sayyid Sābiq, sebenarnya ayat di atas tiada kaitan dengan perbuatan *ikhtiyārī* manusia. Ayat tersebut bermaksud, kalauolah Allah ingin, nescaya dijadikan semua manusia memilih untuk beriman secara paksa, tidak dengan pilihan mereka sendiri¹⁸⁴. Tetapi Allah tidak inginkan begitu. Allah ingin manusia memilih salah satu; nafsu atau akal. Tatkala manusia diberi kemampuan pilihan atau melakukan sesuatu perbuatan tanpa paksaan, barulah terserlah makna taklif dan rasionalullah segala tanggungjawab yang dipikul hamba. Andainya mujahadah itu hasil paksaan, sia-sialah taklif dan tidak berhaklah dia menerima balasan baik¹⁸⁵. Menurut Za'ba, sekiranya Allah ingin mengikut iradat-Nya sahaja, nescaya tiada seorangpun yang menjadi sesat.

¹⁸² *Ibid.*

¹⁸³ al-Būṭī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawnīyyah*, hal. 165.

¹⁸⁴ al-Sayyid Sābiq, *al-'Aqā id al-Islāmiyyah*, hal. 90. Lihat juga, al-Maydānī, *al-Aqīdah al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, hal. 666.

¹⁸⁵ al-Būṭī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawnīyyah*, hal. 165. Lihat juga Māhmūd Shaltūt, *al-Islām Aqīdah wa Sharī'ah*, hal. 49-50.

Semua akan diberi petunjuk. Tetapi Allah telah menetapkan yang Dia memberi kebebasan kepada manusia untuk memilih.¹⁸⁶

3.2.4 Iradat Hamba Benar-benar Berfungsi

;

Terdapat persoalan yang mengatakan iradat Allah s.w.t. adalah mutlak, tidak seperti iradat manusia. Apabila iradat manusia bertembung dengan iradat Allah, ia terpaksa mengikut iradat Allah. Iradat manusia tidak berfungsi kerana dikawal oleh iradat Allah¹⁸⁷. Bagi menjelaskan persoalan ini, Abdullah Nāṣīḥ ‘Ulwān, mengatakan perbuatan manusia terbahagi kepada dua kategori; *ikhtiyārī* dan *idtirārī*. Dia tidak dipertanggungjawabkan terhadap perbuatan *idtirārī*¹⁸⁸. Mohammad Talib mengatakan perbuatan *ikhtiyārī* terhasil daripada hamba dan dia dihitung berasaskannya.¹⁸⁹

Sebenarnya, menurut al-Būṭī, masalah iradat hamba tidak berfungsi tidak timbul kerana Allah s.w.t. yang menginginkan iradat itu berfungsi.¹⁹⁰ Mengatakan Allah tidak menghendaki perbuatan yang hamba pilih bermakna Allah tidak menghendaki iradat yang dibekalkan oleh-Nya sendiri.¹⁹¹ Pendapat ini bercanggah dengan keterangan al-Quran yang mengiktiraf kehendak hamba¹⁹². Kita boleh katakan setiap perbuatan

¹⁸⁶Za’ba, *Falsafah Taqdir*, suntingan Hamdan Hasan, hal. 89.

¹⁸⁷al-Būṭī, *Hurrīyyah al-Insān fī Zill Ubūdīyyatih li Allāh*, hal. 47.

¹⁸⁸Lihat juga, Abdullah Nāṣīḥ ‘Ulwān, *Masalah Taqdir*, terj. A.R. Shaleh Tahmid, hal. 42.

¹⁸⁹Lihat juga, Mohammad Talib (Dr), *Pandangan Para Ahli Fikir Tentang Taqdir Dan Ikhtiar*, al-Haramain, Pte. Ltd., Singapore, 1981, hal. 27-28.

¹⁹⁰al-Būṭī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah*, hal. 155.

¹⁹¹*Ibid.*

¹⁹²Sila lihat sebahagian daripada ayat-ayat berkaitan dalam surah-surah berikut: al-Muddathṣir, 74:55, al-Naba’, 78:39, al-Insān, 76:29, ‘Abas, 80:12, al-Takwir, 81:28, al-Kahf, 18:29 dan al-Muzzammil, 73:19

terjadi dengan kehendak hamba dan kehendak Allah.¹⁹³ Menurut al-Sayyid Sābiq, ini kerana kehendak hamba berada di dalam lingkungan kehendak Allah. Allah inginkan hamba memilih sama ada petunjuk atau kesesatan. Apabila dia memilih petunjuk atau kesesatan, kehendaknya masih di dalam lingkungan kehendak Allah.¹⁹⁴ al-Būjī memberikan contoh, seorang guru ingin mengadakan ujian kepada pelajar untuk mengetahui keputusannya. Andainya pelajar lulus, keputusan itu dikehendaki oleh guru. Kalau gagal sekalipun, ia juga dikehendaki oleh guru. Dalam masa yang sama, pelajar mempunyai kebebasan penuh untuk memilih sama ada lulus atau gagal.¹⁹⁵ Jadi, dapat difahami bahawa iradat hamba dengan iradat Tuhan bolehlah dibandingkan seperti iradat murid dengan iradat gurunya¹⁹⁶. Kehendak Allah tidak menyebabkan ternafinya kehendak hamba. Ilmu Allah tidak menafikan sedikit ilmu yang dianugerahkan kepada hamba. Begitu jugalah dengan sifat-sifat lain seperti mendengar dan melihat.

3.2.5 Pengertian Iradat, Perintah dan Reda Adalah Berbeza

Mengapa Allah menyiksa hamba yang melakukan perbuatan jahat sedangkan ia terjadi mengikut kehendak-Nya? Kenapa Allah menghendaki perkara yang ditegah berlaku? Persoalan ini timbul kerana kekeliruan terhadap pengertian iradat, perintah

¹⁹³ al-Būjī, *Hurrīyyah al-Insān fī Zill Ubūdiyyatih li Allah*, hal. 49.

¹⁹⁴ al-Sayyid Sābiq, *al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*, hal. 91. Lihat juga, al-Maydāni, *al-'Akidah al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, hal. 647, 670. Lihat juga, Bahjat, Ahmād, *Allah fī al-'Aqidah al-Islāmiyyah*, Cet. 4, Markaz al-Ahrām li al-Tarjamah wa al-Nashr, Kaherah, 1996, 141. Lihat juga, al-Sā'īh, *Akīdah al-Muslim wa mā Yattaṣil bihā*, hal. 160.

¹⁹⁵ al-Būjī, *Hurrīyyah al-Insān fī Zill Ubūdiyyatih li Allah*, hal. 50.

¹⁹⁶ Walau bagaimanapun menurut al-Būjī, terdapat perbezaan di antara ilmu manusia dan ilmu Allah. Allah mengetahui segala perkara dan benda, termasuklah sesuatu perbuatan yang dipilih oleh hamba kerana ilmu-Nya bersifat menyeluruh. Ilmu Hamba pula amat terhad. Dalam konteks contoh di atas, guru tersebut tidak mengetahui apa yang dipilih dan diingini oleh pelajarnya. *Ibid.*

dan reda.¹⁹⁷ Menurut al-Būjī, walaupun segala kejadian berlaku dengan iradat Allah, Allah tidak meredai perbuatan jahat atau kekufuran¹⁹⁸ sebagaimana firman-Nya, *Sūrah al-Zumar*, 39:7:

Maksudnya: "Dan Ia tidak redakan hamba-hamba-Nya berkeadaan kufur; dan jika kamu bersyukur, Ia meredainya menjadi sifat dan amalan kamu"

Sebagai contoh, kufurnya Abu Jahal termasuk dalam kehendak Allah tetapi tidak termasuk dalam kategori yang direday-Nya. Guru yang menguji pelajarnya sudah tentu tidak suka (reda) andainya pelajar gagal dalam ujian. Sebelum ujian, pelajar disuruh mengulangkaji pelajaran. Ujian diadakan kerana guru menghendaki keputusannya. Pelajar yang menjawab dengan baik dalam ujian akan lulus. Lulus ujian itu disukai dan dikehendaki. Keputusan pelajar yang gagal juga dikehendaki walaupun tidak disukai (diredaya).¹⁹⁹

Berdasarkan keterangan di atas tiada percanggahan di antara suruhan guru agar pelajar membuat persiapan untuk menghadapi ujian dengan keputusan ujian yang dinanti-nantikan, sama ada lulus atau gagal. Iradat Allah tidak bermaksud perintah (*amr*) Allah. Ia tidak juga bermaksud reda dengan perbuatan yang diingini itu.

3.2.6 Hidayah dan Kesesatan Adalah Berdasarkan Pilihan Manusia

al-Khaṭīb menyatakan terdapat kekeliruan dalam memahami ayat tentang pemberian hidayah atau penyesatan hamba. Ada yang beranggapan apabila Allah

¹⁹⁷al-Būjī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah*, hal. 157.

¹⁹⁸Ibid. Lihat juga, Ibn Taymiyah, *Majmū' Fatāwā*, Jam' wa Tartīb Abd al-Rahmān bin Muḥammad, Jilid 8, hal. 159.

¹⁹⁹al-Būjī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah*, hal. 157. Lihat juga, Hal al-Insān Muhkayyar aw Muyassar?, <http://fataawa.islam-sun.com/html/categories/aqidah/fatwa192.shtml>, 27 Feb 2001.

inginkan kebaikan kepada hamba, dia diberi hidayah. Apabila Allah inginkan kecelakaan kepadanya, dia disesatkan. Situasi ini digambarkan dalam ayat *Sūrah al-An`ām*, 6:125:²⁰⁰

Maksudnya: Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya, nescaya Ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Ia menjadikan dadanya sesak sempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang yang tidak beriman.

Untuk memahami tafsiran ayat tersebut, menurut Abdullah Nāṣīḥ ‘Ulwān, hendaklah diketahui makna ‘hidayah’. Perkataan *al-hidāyah* di dalam al-Quran mempunyai dua pengertian iaitu: ‘menunjukkan’ (*al-dilālah*) dan ‘pertolongan serta dorongan untuk melakukan kebaikan’ (*al-i`ānah*). Pengertian pertama terdapat dalam firman Allah s.w.t., *Sūrah al-Shūrā*, 42:52:

Maksudnya: “Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah memberi petunjuk dengan Al-Quran itu ke jalan yang lurus”.

Ayat ini bermaksud bahwa nabi Muhammad menunjukkan manusia kepada jalan yang lurus. Dalam konteks ini semua manusia diberi petunjuk kebenaran. Tetapi terdapat manusia yang lebih suka memilih kesesatan daripada petunjuk. Inilah yang dimaksudkan oleh firman Allah s.w.t., *Sūrah Fuṣṣilat*, 41:17.:

Maksudnya: Adapun kaum Thamud, maka Kami beri petunjuk kepadanya, lalu mereka mengutamakan kesesatan dari hidayah petunjuk.

Jadi, mereka yang memilih kesesatan layak mendapat balasan buruk sebagaimana firman Allah s.w.t., *Sūrah al-Kahf*, 18:57:

²⁰⁰al-Khaṭīb, *al-Qaḍā' wa al-Qadar bayn al-Falsafah wa al-Dīn*, hal. 254.

Maksudnya: Dan tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang diberi ingatan dengan ayat-ayat Tuhan-Nya, lalu ia berpaling daripadanya dan lupa akan apa yang telah dilakukan oleh kedua tangannya; sesungguhnya (disebabkan bawaan mereka yang buruk itu) Kami jadikan tutupan berlapis-lapis atas hati mereka, menghalang mereka daripada memahaminya, dan (Kami jadikan) pada telinga mereka penyumbat (yang menyebabkan mereka pekak). Dan jika engkau menyeru mereka kepada petunjuk, maka dengan keadaan yang demikian, mereka tidak sekali-kali akan beroleh hidayah petunjuk selama-lamanya.

Ibn al-Qayyim pula menjelaskan yang hamba berada di antara bimbingan Allah dan penyesatan syaitan. Jika tersalah langkah, syaitan akan menjadikannya mangsa sebagaimana kambing menjadi mangsa serigala. Apabila kambing menjalinkan persahabatan dengan serigala lalu dibaham serigala, siapakah yang harus dipersalahkan? Sudah tentu kambing tersebut. Pengembala tidak bersalah kerana dia telah memberitahu balasan buruk yang akan menimpah jika lari dari kawasan pengawasan.²⁰¹

Menurut Abdullah Nāṣīḥ ‘Ulwān lagi, pengertian kedua bagi perkataan ‘*al-hidāyah*’ terdapat dalam firman Allah, *Sūrah al-Qaṣāṣ*, 28:56.:

◆◆◆

Maksudnya: Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasih (supaya ia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (memerut undang-undang peraturan-Nya).

Maksud ‘tidak berkuasa memberi hidayah’ pada ayat di atas ialah tidak mampu untuk menolong seseorang mendapatkan petunjuk sekiranya dia sendiri tidak inginkan

²⁰¹ Muhammad Uways al-Nadawi, *al-Tafsīr al-Qayyim li Ibn al-Qayyim*, t.c., Dār al-Fikr, Beirut, 1988. t.c., Dār al-Fikr, Beirut, 1988. hal 216. Lihat juga, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *Shifā' al-'Ail*, Tahqīq Muhammad Badr al-Dīn, hal. 100.

petunjuk.²⁰² Menurut Za'ba, apa lagi jika dia berusaha bersungguh-sungguh menolak kebenaran.²⁰³ Justeru *al-Būṭī* menambah, mereka yang membulatkan iradatnya untuk bersama kebenaran, maka layaklah mendapat bimbingan Allah. Dia termasuk dalam golongan yang difirmankan Allah, *Sūrah Muḥammad*, 47:17:²⁰⁴

;

Maksudnya: Dan (sebaliknya) orang-orang yang menerima petunjuk (ke jalan yang benar), Allah menambahi mereka dengan hidayah petunjuk, serta memberi kepada mereka (dorongan) untuk mereka bertaqwa.

Sebagai kesimpulan, Allah memberi hidayah dan menyesatkan sesiapa yang Diakehendaki. Perbuatan Allah tidak berhak dipersoalkan. Tetapi ini tidak bermakna Allah zalim kerana *mashi'ah*-Nya sentiasa disertai dengan keadilan. Andainya manusia mengikut *fīṭrah* dan iradatnya untuk mendapatkan petunjuk, bermujahadah menjauhi dosa, tentu Allah mengasihinya dan menjadikannya komitmen dengan kebenaran. Sebaliknya mereka yang memilih kejahatan sudah tentu akan sesat dan menanggung akibat buruk. Za'ba berkata:


*Pendeknya manusia itu sendiri menjadi penghulu pada dirinya dalam memilih jalan yang betul. Maka hendaklah manusia sendiri mengemudikan kapalnya, baik menuju kepada pelabuhan selamat atau kepada beting batu kebinasaan.*²⁰⁵

²⁰² Abdullah Nāṣīḥ Ḥulwān, *Masalah Taqdir*, terj. A.R. Shaleh Tahmid, hal. 19-27.

²⁰³ Za'ba, *Falsafah Takdir*, suntingan Hamdan Hasan, hal. 89.

²⁰⁴ al-Būṭī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyah*, hal.166.

²⁰⁵ Za'ba, *Falsafah Takdir*, suntingan Hamdan Hasan, hal. 89.

3.2.7 Perbezaan Kehidupan Adalah Faktor Kesatuan Manusia

Perbezaan kehidupan sering menjadi persoalan. Ia dikaitkan dengan ketidakadilan Allah s.w.t. kerana membezakan kedudukan atau nasib manusia. Segolongan ditakdirkan kaya manakala yang lainnya miskin. Menurut Ibn al-Qayyim, orang yang menimbulkan persoalan ini amat jahil, zalim dan sesat. Sebenarnya penciptaan makhluk yang berbeza-beza adalah tanda kesempurnaan *rubūbiyyah* Allah s.w.t. Amat banyak makhluk yang dicipta dengan sifat berbeza seperti malam dan siang, panas dan sejuk, sihat dan sakit, baik dan jahat serta nikmat dan azab. Perbezaan harta, tenaga, ilmu, amalan dan pekerjaan adalah untuk kebaikan manusia. Lantaran ihsan Allah, manusia dikurniakan apa yang baik untuknya. Walau bagaimanapun, semua yang berlaku adalah berpaksikan hikmat dan keadilan Allah s.w.t.²⁰⁶ Dalam soal ini al-Jāhīz menegaskan bahawa segala kejadian mengandungi hikmat. Sebagai contoh, semua anggota manusia berbeza-beza, begitu juga dengan fungsinya. Daripada perbezaan itulah wujud identiti insan. Bayangkan andainya manusia hanya berupa sebatang hidung atau sebijji mata. Sudah tentu kewujudannya tiada erti. Bagaimana andainya alam ini terdiri daripada sejenis makhluk sahaja, seperti matahari atau lautan? Sudah tentu kewujudannya tidak dapat digambarkan kerana ia tidak berstruktur. Setiap makhluk mempunyai fungsi dan kepentingan tersendiri.²⁰⁷ Za'ba memberikan contoh sebuah jam, sekiranya ia dikehendaki berfungsi menunjukkan

²⁰⁶Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Muḍāriji al-Sālikīn*, Tahqīq Muḥammad al-Mu'tashim bi Allah, Jilid 1, hal. 147.

²⁰⁷al-Jāhīz, *Rasā'il al-Jāhīz*, Tahqīq wa Sharḥ, 'Abd al-Salām Muḥammad Hārun, Dār al-Jayl, Beirut, 1991, hal. 126.

waktu dengan tepat, setiap bahagiannya mestilah menyempurnakan tugas masing-masing.²⁰⁸

Tambah al-Jāhiẓ, perbezaan kejadian adalah faktor utama kepada penyatuan dan persepakatan.²⁰⁹ Tinggi rendah, cantik, hodoh, kaya, miskin, waras, gila, cerdik dan dungu adalah faktor utama yang mendorong manusia supaya saling bantu-membantu.²¹⁰ Kalau citarasa manusia tidak berbeza, pincang dan kelam kabut kehidupan ini. Bagaimana kalau semua orang tidak ingin menceburi bidang pekerjaan di sektor perindustrian dan pemakanan? Sudah tentu tiada perkembangan tamadun dan manusia mati kelaparan dalam masa yang singkat.

Andainya tabiat manusia tidak berbeza, mereka hanya akan memilih kedudukan yang terbaik. Mereka akan sentiasa berebut dan berkelahi, tiada lagi perpaduan.²¹¹ Hakikatnya manusia mempunyai pelbagai citarasa. Mereka memilih atau menafsirkan sesuatu tanpa dipaksa.²¹² Seorang wanita yang dianggap hodoh oleh sebilangan manusia, dikatakan cantik oleh yang lain. Kediaman yang dianggap berbahaya untuk didiami, tetap didiami oleh segolongan manusia. Tempat yang takut dikunjungi oleh kebanyakan orang juga ada yang berani mendekatinya. Pendek kata, semua orang merasa elok apa yang dipilih dan dilakukan oleh mereka walaupun ia keji dan bercanggah dengan Islam.

²⁰⁸Za'ba, *Falsafah Takdir*, suntingan Hamdan Hasan, hal. 37.

²⁰⁹al-Jāhiẓ, *Rasā'il al-Jāhiẓ*, Tahqiq wa Sharḥ, Abd al-Salām Muḥammad Hārun, hal. 126.

²¹⁰*Ibid.*, hal. 109.

²¹¹*Ibid.*, hal. 110-111.

²¹²*Ibid.*

Perbezaan taraf hidup atau cacat cela pada seseorang tidak boleh dipandang dari satu sudut sahaja. Berapa ramai orang yang sakit, miskin atau cacat tidak merasa hina atau kekurangan walaupun masyarakat menganggap sedemikian. Sehingga ada orang melakukan maksiat dengan penuh rasa bangga walaupun sepatutnya dia merasa hina. Tukang sapu sampah menganggap kerjanya mulia kerana tanpanya sesuatu kawasan akan dipenuhi kotoran yang menyebabkan mudah berlakunya wabak. Menurut Za'ba, kesusahan dan kesenangan adalah *wasīlah* pengujian ketahanan dan memartabatkan kedudukan manusia. Kemungkinan dalam sebiji benih mengandungi sepohon kayu yang besar. Ia tidak akan tumbuh kecuali setelah melalui beberapa peringkat. Sebelum membesar dengan sempurna ia memerlukan tanah dan udara yang sesuai, air dan baja yang mencukupi serta beberapa keperluan lain. Demikian jugalah dengan benih akhlak yang tersimpan dalam diri manusia. Setelah melalui beberapa ujian akan terserlah sifat yang terpendam itu. Orang mukmin sejati akan bersabar menghadapi kesulitan dan bersyukur ketika senang. Mereka yang tidak memahami konsep qada' dan qadar akan mengeluh dan menyesali nasib apabila ditimpa sesusahan dan menjadi bongkak serta zalim ketika mendapat kesenangan.²¹³

3.2.8 Takdir dan Kelahiran Dalam *Fitrāh* Tidak Bertentangan

Kelahiran anak dalam *fitrāh*, menurut 'Umar Sulaymān al-Ashqar dianggap bercanggah dengan konsep takdir. *Fitrāh* bermaksud kesediaan menerima kebenaran. Di samping *fitrāh* terdapat pula takdir. Bagaimana si anak dapat menerima kebenaran andainya ditakdirkan dia sesat? Sebenarnya tiada percanggahan di antara nas yang menetapkan takdir dengan nas yang mengatakan setiap anak itu dilahirkan dalam

²¹³Za'ba, *Falsafah Takdir*, suntingan Hamdan Hasan, hal. 71-79.

keadaan *fīrah*. Untuk memahami isu mestilah diingati Allah mempunyai ilmu yang sempurna. Hamba dicipta bebas daripada segala iktikad batil. Mereka berkeupayaan menerima akidah benar.²¹⁴ Tetapi, menurut al-Qāsimī, selepas dilahirkan syaitan dan nafsu mereka sendiri telah mengubah *fīrah* tersebut lalu mereka manjadi sesat.²¹⁵ Dalam pada itu, Allah s.w.t. telah mengataui mereka yang mengikut *fīrah* kebenaran atau menyeleweng. Pengetahuan tersebut dicatat pada Luh Mahfuz sebagai takdir. Justeru tiada pertentangan antara dua nas tadi. Supaya lebih jelas, lihat sabda Rasulullah s.a.w. melalui hadis Qudsi :

إِنْ خَلَقْتَ عَبْدَيْ حَسَنَاءَ كُلَّهُمْ وَإِنْ كُلَّ مَا أَخْلَقْتَ عَبْدَيْ فَهُوَ طَهْ حَلَالٌ وَإِنْ
الشَّيَاطِينُ أَتَتْهُمْ فَأَحْتَالُهُمْ عَنِ دِينِهِمْ وَحَرَمْتَ عَلَيْهِمُ الَّذِي أَحْلَلْتَ طَهْ وَأَمْرَهُمْ أَنْ
يُشْرِكُوا بِيْ مَا لَمْ أُنْزِلْ بِهِ سُلْطَانًا²¹⁶

"Sesungguhnya Aku telah menjadikan hamba-hamba-Ku kesemuanya dalam keadaan bersih (*hunafa'*) dan sesungguhnya segala apa yang Aku berikan kepada mereka adalah halal bagi mereka. Dalam pada itu syaitan datang kepada mereka lalu menyelewengkan (*menjauahkan*) mereka daripada agama dan mengharangkan kepada mereka apa yang telah Aku halalkan dan menyuruh mereka mensyirukkan Aku tanpa kebenaran".

Menurut hadis di atas, walaupun insan dilahirkan dalam keadaan *fīrah*, Allah s.w.t. mengetahui hamba yang akan terpedaya dengan godaan syaitan dan yang tidak terpedaya.²¹⁷ Maklumat tersebut dicatat di Luh Mahfuz.

²¹⁴ al-Ashqar, *al-Qadā' wa al-Qadar*, hal 68.

²¹⁵ *Ibid*. Lihat juga, Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qasimī, *Dalā'il al-Tawhīd*, Nuskħah Muṇaqqaħah Muṣħħħah bi Ishrāf Maktab al-Buhūt wa al-Dirāsāt fi Dār al-Fikr, Dār al-Fikr li al-Tibāh wa al-Nashr wa al-Tawzī, 1997, hal. 18. Lihat juga, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *Shifā' al-Ālī*, Tahqīq Muhammad Badr al-Dīn, hal 297.

²¹⁶ Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, Tahqīq Shu'ayb al-Ārnāūt, Cet. 2, Juzuk 2, hal. 426. Lihat juga, al-Mabārkāfūrī, *Tulṣīfat al-Āhwādhī*, hal. 287. Lihat juga, Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, Tahqīq Muhammad Fu'ad Abd al-Bāqī, Jilid 3, hal. 248.

²¹⁷ al-Ashqar, *al-Qadā' wa al-Qadar*, hal. 68.

3.2.9 Takdir Tidak Menolak Usaha dan Ikhtiar

Salah faham terhadap takdir menjadikan seseorang tidak ingin berusaha. Baginya, sama ada berusaha atau tidak, ketetapan pasti akan berlaku. Ibn al-Jawzī menjelaskan pandangan ini²¹⁸ amat berbahaya. Ia bererti memprotes syariat yang diturunkan. Ia juga mempermudahkan hukum yang terkandung di dalam kitab dan menjadikan para rasul dan dakwah yang dibawa mereka sebagai sia-sia²¹⁹. Mereka yang berfahaman begini tidak akan melakukan ibadat. Andai disuruh mendirikan solat, mereka berkata: "Apa perlunya solat? Kalau telah ditakdirkan saya memasuki syurga pasti saya akan memasukinya. Solat tidak akan dapat menolong saya sekiranya saya ditakdirkan memasuki neraka". Andainya begitu hujah mereka, menurut Ibn Taymiyyah, semua orang boleh menggunakan hujah tersebut sebagai protes untuk melaikin diri daripada kewajipan. Firaun boleh menyanggah ajakan nabi Musa a.s. ketika dikatakan kepadanya, *Sūrah al-Nazī'āt*, 79:18-19:²¹⁹

◆◆◆◆◆

Maksudnya: "Adakah engkau suka hendak mensucikan dirimu (dari kekufturan)? 'Dan mahukah, aku tunjuk kepadamu jalan mengenai Tuhanmu, supaya engkau merasa takut (melanggar perintah-Nya)?"

Secara tidak langsung Allah s.w.t. juga akan diprotes mengenai pengutusan para rasul dan penurunan kitab. Alasan ini tidak berasas dan tidak benar kerana ia menyebabkan persamaan di antara iman dan kufur, dosa dan pahala, syurga dan neraka dan persamaan di antara seluruh agama atau kepercayaan yang dianuti. Jelas Harun Din, Islam mengajar bahawa segala yang ditakdirkan berlaku melalui proses sebab dan kesan. Sebagai contoh, tabiat biji benih ialah tumbuh apabila bertemu dengan tanah

²¹⁸ Abū al-Faraj Jamāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān Ibn al-Jawzī, *Talbīs Ibliṣ*, Tahqīq al-Sayyid al-Jumailī, Dār al-Kitāb al-Arabi, Beirut, 1985, hal. 440. Lihat juga, Māhmūd Shaltūt, *al-Islām Aqīdah wa Sharī'ah*, hal. 51.

²¹⁹ Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatāwā*, Jam' wa Tartīb Abd al-Rahmān bin Muḥammad, Jilid 8, hal. 108.

lembab. Tanah lembab tadi kita katakan sebagai sebab dan tumbuh itu pula adalah akibatnyanya. Biji benih tadi, andainya ditanam pada tanah yang kering kontang atau diletakkan di atas batu yang licin, nescaya ia tidak akan tumbuh.²²⁰ Peribahasa ada mengatakan, *Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang; Kalau tidak dipecahan ruyung, manakan dapat sagunya* dan terdapat pantun yang berbunyi,

*Berakit-rakit ke hulu,
berenang-renang ke tepian;
bersakit-sakit dahulu,
bersenang-senang kemudian.*

Peribahasa dan pantun di atas mengajar manusia berusaha dan berikhtiar, bukan semata-mata menanti ketentuan mendatang. Menurut Muḥammad bin Aḥmad Shihāb al-Dīn (m.850H/M), takdir dan ikhtiar tidak boleh dipisahkan. Kedua-duanya ibarat bebanan yang diletakkan di atas belakang binatang tunggangan. Jika bebanan atau barang tersebut tidak diletakkan seimbang, akan jatuhlah ia; sakitlah belakang binatang tersebut dan sukarlah untuk meneruskan perjalanan. Andainya wujud keseimbangan, terselamatlah tunggangang, mudah perjalanan dan tercapai matlamat.²²¹



²²⁰Ishak Din, Harun Din, *Permasalahan Akidah Tauhid Pegangan Setiap Muslim*, hal. 147. Lihat juga, Mohammad Talib (Dr), *Pandangan Para Ahli Fikir Tentang Taqdir Dan Ikhтир*, hal. 21. Lihat juga, al-Ghazālī, Muḥammad, *Ta'ammulat fī al-Dīn wa al-Hayāh*, Cet. 2, Dār al-Dawah, Iskandariah, 1992, hal. 35-36.

²²¹Terdapat satu perumpamaan menarik tentang takdir dan ikhtiar (tawakal). Di sebuah kampung terdapat dua orang lelaki fakir. Salah seorang daripada mereka buta dan seorang lagi lumpuh. Tiada pembantu bagi mereka berdua kecuali seorang lelaki memberi makan minum kepada mereka setiap hari. Setelah berlalu beberapa ketika, lelaki tersebut meninggal dunia. Mereka tinggal berdua untuk beberapa hari tanpa makan dan minum. Setelah merasa amat lapar mereka berpakat untuk keluar mencari alas perut. Si buta mendukung si lumpuh sementara si lumpuh menunjukkan jalan kepadanya. Keluarlah mereka berdua dan ramailah orang menghulurkan bantuan. Akhirnya terselamatlah mereka daripada mati kebuluran. Lihatlah betapa intimnya hubungan di antara takdir dan ikhtiar. Kedua-duanya saling bantu-membantu. Ikhtiar disebabkan oleh takdir dan takdir disebabkan oleh ikhtiar. Sila lihat, Muḥammad bin Aḥmad Shihāb al-Dīn, *al-Mustāraf fī Kull Fann Mustazraf*, Jilid 2, t.c., Manshūrāt Dār Maktabah al-Hayāh, Beirut, t.t., hal. 339.

Apabila seseorang merasa dia ditakdirkan hidup susah, maka dia hendaklah mengubah haluannya dengan berusaha supaya takdir kesempitan berubah kepada kesenangan. Andainya dia tidak berusaha untuk mengubah nasibnya maka itulah takdirnya. Sekiranya dia berusaha keras lalu berjaya menjadi seorang kaya maka itulah takdir yang telah ditetapkan kepadanya.

3.2.10 Takdir Tidak Boleh di Jadikan Alasan Untuk Melakukan Maksiat

'Alī al-Tanṭāwī menjelaskan bahawa takdir juga dijadikan alasan untuk melakukan maksiat. Sebagai contoh, apabila ditanya kenapa mereka melakukan perbuatan zina, mereka menjawab kerana takdir menetapkan begitu. Mereka meletakkan kesalahan pada takdir Allah s.w.t., walhal al-Quran dan hadis banyak menyebut bahawa pahala, dosa, balasan baik dan buruk bergantung kepada amalan seseorang . Sebagai contoh, orang yang berzina tidak mengetahui apa yang tertulis di Luh Mahfuz. Dia hanya mengagak bahawa dia ditakdirkan melakukan zina lalu dia berzina, kononnya untuk memenuhi tuntutan takdir. Sebenarnya dia berzina kerana menurut hawa nafsu dan godaan syaitan,²²² walaupun dia sedar perbuatan tersebut dibawah kawalannya.

Alasan ini telah lama digunakan oleh kaum musyrikin sebagaimana dirakamkan perkataan mereka di dalam al-Quran, *Sūrah al-An'ām*, 6:148:

Maksudnya: Orang-orang musyrik akan mengatakan: "Kalau Allah menghendaki tentulah kami dan datuk nenek kami tidak

²²²al-Tanṭāwī, *Tu'rīf Ām bi Din al-Islām*, hal. 159-160. Lihat juga, al-Bājūrī, *Sharḥ Jawharah al-Tawhīd*, Tansiq wa Takhrīj Muhammad Adib al-Kaylānī wa Abd al-Karīm Tattān, hal. 238. Lihat juga, Muhammad Ramzi Omar, *Pembahagian Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*, Pustaka Ilmi, Selangor, 1999, hal. 222.

mempersekutuan-Nya (dengan sesuatu yang lain), dan tidak pula kami haramkan sesuatu apa pun”.

Ayat seterusnya mematahkan hujah yang mereka kemukakan dengan firman Allah s.w.t., *Sūrah al-An`ām*, 6:148:

Maksudnya: Katakanlah: “Adakah kamu mempunyai (sesuatu keterangan yang berdasarkan) ilmu supaya dapat kamu tunjukkan kepada kami? Tiadalah kamu menurut melainkan sangkaan semata-mata, dan kamu pula tidak lain hanyalah berdusta”.:

Menurut ‘Alī al-Tanṭāwī, al-Quran menempelak mereka kerana sebenarnya mereka tidak mengetahui adakah mereka ditakdirkan melakukan perbuatan syirik atau tidak. Adakah mereka telah cuba untuk beriman tetapi tidak berjaya?²²³ ‘Afif ’Abd al-Fattāḥ Tabbārah menjelaskan, al-Quran menceritakan bahawa balasan buruk yang menimpa orang musyrikin adalah kerana perbuatan jahat mereka. Jika perbuatan jahat yang mereka lakukan itu hasil paksaan Allah s.w.t., nescaya mereka tidak akan dihukum.²²⁴

‘Abd al-Azīz Muḥammad al-Salmān mengatakan alasan ini juga digunakan oleh seorang pencuri pada masa pemerintahan Sādīna Umar al-Khattab r.a. untuk mengelakkan hukuman. Malang baginya kerana Saidina Umar juga menegaskan akan memotong tangannya berasaskan takdir Allah juga.²²⁵ ‘Alī al-Tanṭāwī menjelaskan lagi, kalauolah orang yang memberikan alasan tersebut jujur, nescaya dia akan menerima takdir dengan reda. Apa yang jelas, dia tidak reda dengan takdir kesusahan

²²³ al-Tanṭāwī, *Ta’rīf ’Ām bi Dīn al-Islām* hal. 161.

²²⁴ Afif Abd al-Fattāḥ Tabbārah, *Nadi Ajaran Islam*, terj. Md Akhir Haji Yaacob, Jilid 1, Cet 2, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, hal 208. Lihat juga, al-Maydāni, *al-Aqīdah al-Islamiyyah wa Ususuhā*, hal. 668. Lihat juga, Lihat juga, al-Tabarī, *Jāmi’ al-Bayān an Ta’wil Āy al-Qur’ān*, Taqdīm Khalil al-Mis, Dab’ wa Tawthiq wa Tahkrij, Ṣidqī Jamīl al-Attār, hal. 77-80.

²²⁵ al-Salmān, *al-Kawāshif al-Jaliyyah an Ma’āni al-Wāsiṭiyyah*, hal. 377. Lihat juga, al-Shaykh Muḥammad Ṣāliḥ Uthaimīn, *Fatawā al-Aqīdah*, Cet. 2, Dār al-Jayl, Beirut, 1993, hal. 544.

bahkan berusaha untuk mengelakkannya. Ketika sakit dia berusaha untuk berubat. Waktu kesempitan hidup dia berusaha mencari wang. Apabila kehilangan orang yang disayangi dia merasa sedih. Pendek kata, dia berusaha mendapatkan takdir baik dan mengelakkan takdir buruk. Kenapa dia begitu tekun berusaha menjadikan takdir sebagai alasan untuk melakukan maksiat tetapi tidak bermujahadah untuk meninggalkan kemungkaran? Perbuatan tersebut seoalah-olah mempermudah balasan buruk yang dijanjikan kepada mereka yang melakukan maksiat.²²⁶ Tegas Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah (m.1350H/751H), mereka makhluk paling keji kerana ketika melakukan ketaatan mereka menggunakan pendapat *al-Qadariyyah* tetapi apabila melakukan maksiat mereka menggunakan pendapat *al-Jabariyyah*.²²⁷ Bahkan mereka musuh Allah s.w.t.²²⁸ Mereka menjadi hamba kepada nafsu dan syaitan, walaupun tahu tiada sesiapa yang memaksa untuk melakukan sesuatu perbuatan.

3.2.11 Takdir Tidak Bertentangan Dengan Konsep Doa

Menurut al-Khaṭīb, qada' ialah pelaksanaan kepada qadar. Qada' ibarat sebatang panah yang sedang meluncur menuju sasaran. Walau bagaimanapun, Allah telah menjadikan doa sebagai penangkis qada' tersebut²²⁹. Sabda Rasulullah s.a.w.:

وَلَا يُرِدُ الْقَضَاءُ إِلَّا الدُّعَاءُ

²²⁶ Afif Abd al-Fattah Tabbārah, *Nadi Ajaran Islam*, terj. Md Akhir Haji Yaacob, Jilid 1, hal. 160.
²²⁷ Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatāwā*, Jam wa Tartib Abd al-Rahmān bin Muḥammad, Jilid 8, hal. 107. Lihat juga, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Sālikin*, Tahqīq Muḥammad al-Muṭashāf bi Allah, Jilid 1, hal. 211.

²²⁸ *Ibid.*, hal. 201.

²²⁹ al-Khaṭīb, *al-Qadā' wa al-Qadar bayn al-Falsafah wa al-Dīn*, hal. 256.

Maksudnya: Tiada sesuatu boleh menolak qada' kecuali doa.

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi:

والدعا ينفع ما نزل وما لم ينزل وإن البلاء لينزل فيتلقاه الدعاء فيعتلجان
إلى يوم القيمة²³¹

Maksudnya: Dan doa boleh memberi manfaat terhadap apa yang telah turun dan yang belum lagi. Dan sesungguhnya bala turun sedangkan doa menghadapinya lalu kedua-duanya bergelut hingga larut hari kiamat.

al-Khaṭīb menerangkan lagi, 'daripada hadis di atas, difahami bahawa qada' sedang dalam perjalanan untuk merealisasikan qadar. Belum sempat mengena sasaran, doa terlebih dahulu menghentikan perjalananya atau menghalangnya supaya ia mengena sasaran dengan perlahan. Kerana itulah terdapat doa *ma'thur* yang berbunyi:

اللهم لا نسألك رد القضاء بل نسألك اللطف فيه²³²

Maksudnya: "Ya Allah ! kami tidak meminta umtuk mengelak daripada qada' tetapi kami meminta kelembutan (kehalusinan) padanya.

Harun Din juga berpendapat doa mustajab boleh menolak takdir.²³³ Inilah

fungsi doa apabila berhadapan dengan qada'. Malangnya, menurut Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, masih ada yang berpendapat doa tidak berfungsi apabila berhadapan dengan qadar. Menurut mereka, berdoa adalah perbuatan sia-sia. Berdoa atau tidak,

²³⁰Abū Abdillah Muḥammad bin Ḥasan al-Tirmidhī, *Nawādir al-Uṣūl fī Ahādīth al-Rasūl*, Tahqīq Abd al-Rahmān Umayrah (Dr), fī Birr al-Wālidayn, Dār al-Jayl, Beirut, Juzuk 3, hal. 232. Lihat juga, al-Mundhiri, Abū Muḥammad, Abd al-Azīm bin Abd al-Qawi, *at-Targhib wa al-Tarhib*, Tahqīq Ibrāhīm Shams al-Dīn, Juzuk 2, Kitāb al-Dhikr wa al-Du'a', hadis no: 2530, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1417 H, hal. 316.

²³¹al-Ḥākim, *al-Mustadrak ʻalā al-Saḥīḥayn*, Tahqīq Muṣṭafā Abd al-Qādir Atā, Juzuk 1, Kitāb al-Du'a' wa al-Tasbīh wa al-Tahīl wa al-Dhikr, hadis no: 1813, hal. 669.

²³²al-Khaṭīb, *al-Qadā' wa al-Qadar bayn al-Falsafah wa al-Dīn*, hal. 179.

²³³Ishak Din, Harun Din, Permasalahan Akidah Tauhid Pegangan Setiap Muslim, hal. 150. Lihat juga, Keutamaan Doa, Syarat dan Adabnya, <http://www.alsofawah.or.id/html/kbb3.html>, 27 Februari 2001. Lihat juga, Antara Takdir dan Doa, <http://www.darulnuman.com/musykil/musykil167.htm>, 3 Ogos 2000.

yang ditakdirkan pasti berlaku. Orang yang berpendapat seperti ini elok disarankan agar mereka tidak makan ketika lapar. Mereka pasti kenyang andainya telah ditakdirkan begitu. Mereka yang inginkan anak patut dinasihatkan agar bersabar. Andainya ditakdirkan mendapat anak dia pasti akan mendapatnya; sama ada melalui persetubuhan atau tidak. ; Apabila disarankan begitu pasti mereka marah dan membantah saranan tersebut dengan keras. Ini menunjukkan alasan mereka tidak boleh diterima. Manusia yang berakal sewajarnyalah pandai berusaha untuk hidup, sedangkan haiwan yang tidak dikurniakan akal boleh melakukanannya.²³⁴ Menurut al-Jalīnād, doa adalah *wasīlah* untuk mendapatkan kebaikan dan menolak keburukan.²³⁵ Doa bukan semata-mata untuk mendekati diri kepada Allah. Kedudukannya dalam menolak qadar samalah dengan peranan air yang menyebabkan tumbuhnya tanaman, api yang membakar dan air yang membasahkan sesuatu. Allah telah menjadikan doa sebagai syarat untuk dikabulkan sesuatu permintaan. Ini jelas sebagaimana firman-Nya, *Sūrah Ghāfir*, 40:60:

Maksudnya: "Dan Tuhan kamu telah berfirman, "Pintalah (berdoalah) kepada-Ku nescaya aku akan memperkenankannya".



²³⁴ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *al-Dā' wa al-Dāwā'*, Taḥqīq Abd al-Ghaffār Sulaymān, Dār al-Kitāb al-Misri, Kaherah, 1990, hal. 26. Lihat contoh-contoh lain dalam, Lutpi Ibrahim, *Masaalah Qada' dan Qadar Di Dalam Islam*, Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia, Kuala Lumpur, 1981, hal. 33-34.

²³⁵ Muḥammad al-Sayyid al-Jalīnād, *Muṣhkīlāt al-Khayr wa al-Sharr fī Fikr al-Islāmī Usūlūhā Taṭbīqātuhā*, Juzuk 1, t.c., Maṭba'ah al-Taqqaddum, t.t., hal. 170. Lihat juga, Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatāwā*, Jam wa Tartib Abd al-Rahmān bin Muḥammad, Jilid 8, hal. 69-70.

Ayat di atas menegaskan bahawa setiap doa akan diperkenankan.²³⁶ Sanusi juga berpendapat yang doa adalah sebab `ādī yang membawa kepada kesan apabila tiada *mawāni`*.²³⁷

3.2.12 Reda Kepada Takdir Tidak Bererti Reda Kepada Maksiat

Menurut Muḥammad Ṣāliḥ ‘Uthaymīn, setiap muslim wajib reda kepada qada’ Allah s.w.t. sebagai bukti pengabdian penuh hamba kepada-Nya dan pengiktirafan terhadap *rubūbiyyah*-Nya.²³⁸ Walau bagaimanapun, menurut Ibn Taymiyyah, kewajipan ini tidak sampai menghilangkan perbezaan di antara dosa dan pahala atau iman dan kufur. Membenci dosa, kejahatan dan kekufuran tidak bererti membenci qada’ Allah s.w.t.²³⁹ Ini kerana reda kepada qada’ tidak sama dengan reda kepada *al-maqdī*, sebagaimana dijelaskan oleh al-Manāwi.²⁴⁰ Menurut *Madārij al-Sālikīn*, Qada’ adalah sifat berhubung terus dengan zat Allah s.w.t. *al-maqdī* pula adalah perbuatan yang dilakukan dan dinisbahkan kepada hamba.²⁴¹ Setiap muslim wajib reda kepada

²³⁶ al-Jalīnād, , *Mushkilah al-Khayr wa al-Sharr fi Fikr al-Islāmī Uṣūluhā Taṭbiqātuhā*, Juzuk 1, hal. 170. Lihat juga, hal al-Du’ā’ Yarudd al-Qadā’, <http://bashaer.com/islam/b10/fataawa.htm>, 2 Februari 2001. Andainya doa seseorang belum diperkenankan, kemungkinan doa tersebut belum mencukupi syarat untuk diperkenankan. Kemungkinan permintaan hamba tidak baik baginya, lalu dianugerahkan sesuatu yang lebih baik walaupun dia tidak menyukainya. Tabiat manusia yang inginkan sesuatu yang bertentangan dengan kemaslahatannya digambarkan melalui Sūrah al-Baqarah, 2:216 yang bermaksud: Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya (*penulis*).

²³⁷ Sanusi Daeng Mareok, *Mushkilah al-Qadā’ wa al-Qadār*, hal. 203.

²³⁸ Uthaimin, *Fatāwā al-Aqīdah*, hal. 540-541. Lihat juga, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Sālikīn*, Tahqīq Muḥammad al-Muṭasim bī Allah, Jilid 1, hal. 268.

²³⁹ Ibn Taymiyyah, *Majmū’ Fatāwā*, Jam wa Tartīb Abd al-Rahmān bin Muḥammad, Jilid 8, hal. 190. Lihat juga, Uthsaimin, al-Shaykh Muḥammad Ṣāliḥ, *Fatāwā al-Aqīdah*, hal. 540. Lihat juga, al-Zubaydi, *Iḥāfah al-Sādah al-Muttaqīn bi Sharḥ Ihyā’ Ulūm ad-Dīn*, Jilid 12, hal. 550.

²⁴⁰ al-Manāwi, *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi’ al-Saghīr*, Jilid 2, hal. 224.

²⁴¹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Sālikīn*, Tahqīq Muḥammad al-Muṭasim bī Allah, Jilid 1, hal. 269. Lihat juga, Uthaimin, *Fatāwā al-Aqīdah*, hal. 540-541.

qada' Allah s.w.t. Berlainan dengan *al-maqdī* kerana ia terbahagi kepada tiga bahagian:

242

- (i) *al-Maqdī* yang wajib diredayai
- (ii) *al-Maqdī* yang haram diredayai
- (iii) *al-Maqdī* yang *muṣtaḥabb* (sunat) diredayai

Sebagai contoh, maksiat termasuk dalam kategori *al-maqdī* yang haram diredayai walaupun ia terjadi dengan qada' Allah s.w.t. Perlakuan maksiat tersebut, jika dilihat dari sudut qada', maka wajib diredayai. Di samping meyakini qada' tersebut mengandungi kebaikan, keadilan, hikmat dan kemaslahan. Dari sudut *al-maqdī* pula, perbuatan maksiat yang dilakukan haram diredayai bahkan wajib dibanteras.²⁴³ Contoh lain sebagaimana diterangkan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah ialah kes pembunuhan. Oleh kerana kematian mangsa pembunuhan adalah takdir azali yang ditetapkan sebagai ajal, ia mesti diredayai. Manakala pembunuhan yang melakukan jenayah dengan usaha dan pilihannya haram direstui bahkan perbuatannya dikeji.²⁴⁴

Kata Muhammad Ṣāliḥ ‘Uthaymīn lagi, Kategori ketiga pula adalah *al-Maqdī* yang *mustaḥabb*²⁴⁵ diredayai tetapi wajib bersabar²⁴⁶ apabila menghadapinya. Ia adalah musibah yang menimpa hamba seperti kemiskinan, kesakitan dan cemuhan yang

²⁴² *Ibid.*, hal. 541.

²⁴³ *Ibid.* Lihat juga, Sanusi Daeng Mareok, *Mushkilah al-Qadā' wa al-Qadar*, hal. 200.

²⁴⁴ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Sālikīn*, Tahqīq Muḥammad al-Muṭashīb bi Allāh, Jilid 1, hal. 269.

²⁴⁵ Ada pendapat yang mengatakan wajib reda tetapi pendapat yang paling sahih ialah *mustahab*. Sila lihat, Ibn Taymiyyah, *Majmū‘ Fatawā*, Jam wa Tarīb Abd al-Rahmān bin Muḥammad, Jilid 8, hal. 191. Walau bagaimanapun martabat reda jauh lebih tinggi daripada sabar. Lihat, Ibn Rajab al-Hanbāl, Abū al-Farāj Abd al-Rahmān bin Alḥamad, *Jāmi‘ al-Ulūm wa al-Hikam*, Dār al-Marifah, Beirut, 1408H, hal. 194.

²⁴⁶ Terdapat perbezaan di antara reda dan sabar. Bagi seorang yang reda, sama ada bencana menimpanya atau tidak adalah sama sahaja, tidak menggugat kedudukannya. Orang yang sabar pula tidak reda (tidak merasa senang) dengan bencana yang menimpa tetapi dia tidak melakukan tindakan yang menyalahi syarak atau menyalahi tuntutan sifat sabar itu sendiri. Sila lihat, Uthaimin, *Fatāwā al-Aqīdah*, hal. 541.

diterima.²⁴⁷ Menurut Ibn Taymiyyah, ia tidak berkait dengan perkara dosa,²⁴⁸ kerana dosa haram diredayai.

3.3 Tuntutan 'Ubūdiyyah Terhadap Persoalan Takdir

:

Menurut al-Būṭī, walaupun keraguan mengenai qada' dan qadar boleh dihilangkan melalui perbincangan ilmiah, jiwa seseorang masih terasa kekosongan. Ia memerlukan pengisian lebih daripada itu. Pengisian tersebut hanya didapati bilamana hakikat 'ubūdiyyah benar-benar dihayati. Ini tidak bermakna kajian ilmiah dan kaedahnya tidak lagi berguna. Apa yang dimaksudkan ialah kepuasan jiwa yang didapati melalui kajian ilmiah masih belum mencukupi. Apabila seorang muslim mengetahui hakikat dan tuntutan 'ubūdiyyah, tenanglah kehidupannya. Andainya ditakdirkan segolongan manusia disiksa dalam neraka, manakala segolongan lain mendapat nikmat syurga, siapakah yang layak mempertikaikan ketetapan tersebut? Tidakkah Allah s.w.t. berhak melakukan apa sahaja terhadap makhluk-Nya? Andainya logik akal menerima hakikat ini nescaya sifat pengabdian tersebut mampu menjadikannya patuh dan menyerah kepada ketetapan Allah s.w.t. Inilah pelerai segala kekusutan yang menghantui jiwa. Tiada tempat untuk melarikan diri atau berlindung kecuali kepada-Nya.²⁴⁹

Apa yang dikemukakan al-Būṭī dapat diserasikan dengan pandangan Ibn Qayyim ketika menerangkan konsep tawakal dan Ibn Taymiyyah ketika bercakap mengenai *asbāb*. Ibn Qayyim mengatakan hakikat tawakal akan terserlah apabila

²⁴⁷Ibid.

²⁴⁸Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatawā*, Jam' wa Tartib 'Abd al-Rahmān bin Muhammad, Jilid 8, hal. 191.

²⁴⁹al-Būṭī, *Hurrīyyah al-Insān fī Zill 'Ubūdiyyatih li Allah*, hal. 53-54.

wujud perkara berikut: apabila seseorang mengenal Allah s.w.t. dan sifat-sifat-Nya melalui kudrat, *kifāyah* dan *qayyūmiyyah*-Nya. Setiap maujudat didalam pengetahuan-Nya dan ia wujud melalui *mashi'ah* dan kudrat-Nya. Inilah tangga pertama tawakal. Di samping itu dia mestilah akur kepada peraturan ‘sebab dan akibat’. Seterusnya dia hendaklah mempunyai kemampuan hati. Dengan kata lain, hatinya menolak segala *asbāb* walaupun anggotanya bergantung kepada *asbāb* tersebut. Hatinya mestilah merasa tenang dalam pergantungan kepada Allah, tidak kepada *asbāb*. Keadaannya dengan Allah seperti budak kecil yang bergantung penuh kepada ibunya ketika menyusu. Dia juga hendaklah berprasangka baik terhadap Allah. Dia mesti menyerahkan hatinya kepada Allah tanpa sebarang bangkangan. Keadaannya di sisi Allah s.w.t. seperti mayat berada di sisi orang yang memandikannya. Segala urusan diserahkan kepada Allah tetapi bukanlah urusan yang berkaitan dengan *taklīf*. Akhirnya hendaklah ada *tafiwīd* iaitu menyerahkan segala urusan kepada Allah dengan reda, bukan terpaksa. Dia seperti seorang anak yang lemah menyerahkan urusan kepada ayah yang pandai mengurus dan tahu apa yang terbaik untuknya.²⁵⁰ Konsep tawakal ini amat berkait rapat dengan konsep takdir. Pendirian muslim ketika bertawakal kepada Allah adalah sama dengan pendiriannya ketika berhadapan dengan takdir Allah.

Maksud kenyataan Ibn Qayyim telah ditegaskan oleh Ibn Taymiyyah dalam *Majmu'* dengan katanya:

...bergantung kepada *asbab* adalah syirik pada tauhid. Menghapuskan fungsi *asbab* bererti menghapuskan peranan akal. Tidak menggunakan *asbab* yang

²⁵⁰Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Sālikīn*, Tahqīq Muhammad al-Mu'tashim bi Allah, Jilid 2, hal. 118-122.

diperintah bererti mencela syarak. Justeru, hamba hendaklah bergantung kepada Allah, tidak kepada asbab...²⁵¹

Menurut Ibn Taymiyyah, pergantungan kepada Allah adalah cantuman daripada makna tawhid, akal dan syarak. Baginya, maksud tidak bergantung kepada *asbāb* ialah tidak *confident*; dengannya, tidak mengharapkannya dan tidak takut kepadanya. Ini kerana sebab tidak berdiri sendiri. Ia terikat dengan *asbāb* lain. Ia juga terhalang apabila wujud *mawāni'* tertentu. Pendek kata, semua sebab tidak memberi kesan kecuali dengan *mashi'ah* Allah. Apa yang dikehendaki-Nya berlaku dan apa yang tidak dikehendaki-Nya tidak berlaku.²⁵²

Penulis merasakan keterangan di atas berkait rapat dengan pendapat al-Būṭī. Walaupun begitu, al-Būṭī menegaskan lagi bahawa ilmu mesti digunakan untuk mengenali Allah dan melaksanakan titah perintah-Nya.²⁵³ Manusia dilarang memperkatakan sesuatu tanpa ilmu sebagaimana maksud firman-Nya, *Sūrah al-Isrā'*, 17:36:

"Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya."²⁵⁴

²⁵¹

²⁵² Ibn Taymiyyah, *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyah*, Muḥammad Rashād Sālim (Dr), Jilid 5, hal. 366-367.

²⁵³ al-Būṭī, *Hurrīyyah al-Insān fī Zill 'Ubūdiyyatih li Allah*, hal. 54.

²⁵⁴ Sila lihat tafsirannya dalam, al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Alkām al-Qur'ān*, Tahqīq al-Bardūnī, Jilid 10, hal. 258. Lihat juga al-Tabarī, *Jāmi' al-Bayān an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*, Jilid 15, hal. 85-86.

3.4 Kesan Beriman Kepada Qada' dan Qadar

Setiap ajaran Islam memberi kesan positif kepada muslim sama ada secara langsung atau tidak langsung. Justeru, keimanan kepada qada' dan qadar mempunyai kesan positif terhadap individu muslim.

Menurut 'Abd al-Karīm Zaydān, manusia perlukan masyarakat untuk berkomunikasi dan berinteraksi. Dalam bermasyarakat, pelbagai perilaku dijelmakan oleh setiap individu. Ada yang melakukan khairat dan ada yang mengampu dan bermuka-muka untuk hidup senang. Disebabkan yakin golongan tertentu dapat menjamin kesenangan, mereka diampu walaupun dengan cara yang menyalahi syarak. Berlainan pula sikap mereka yang berkeyakinan penuh kepada Allah s.w.t. Mereka sentiasa ingat sabda Rasulullah s.a.w.:

واعلم أن الأمة لو اجتمعوا على أن ينفعوك بشيء لم ينفعوك إلا بشيء قد كتبه الله لك ولو اجتمعوا على أن يضروك بشيء لم يضروك إلا بشيء قد كتبه الله عليك رفعت الأقلام وجفت الصحف ²⁵⁵

Maksudnya: Ketahuilah, andainya seluruh manusia bersatu untuk memberi kebaikan kepada kamu, mereka tidak akan dapat memberi kabaikan tersebut kecuali dengan apa yang telah Allah tetapkan kepada kamu dan andainya seluruh manusia bersatu untuk memudaratkan kamu, mereka tidak akan dapat memudaratkan kamu al-kecuali dengan apa yang telah Allah tetapkan kepada kamu. al-Qalam²⁵⁶ telah diangkat dan segala lembaran telah kering.²⁵⁷

²⁵⁵ Abū 'Isā Muhammād bin Isā bin Sūrah al-Turmidī, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ wa hu Sunan al-Turmidī*, Tābiqāt Kamāl Yūsuf al-Ḥūt, Kitāb Ṣifat al-Qiyāmah wa al-Raqā'iq wa al-War , Hadis no. 2516, Juzuk 4, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, t.t., hal. 576. Lihat juga, Imām Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, *al-Musnad*, Sharahah wa Waḍa Fahārisah Aḥmad Muḥammad Shākir, Jilid 4, Musnad Ibn Abbās r.a., Hadis no. 2669, 2763, 2804, Maktabah al-Turāth al-Islāmī, hal. 233, 270, 287.

²⁵⁶ *al-Qalam* adalah perkataan Arab yang bererti alat tulis atau pena. Perkataan “*al-Qalam*” terdapat dalam surah *al-Qalam*, 68:1 yang bermaksud: Nun, demikian *al-qalam* (pena) dan apa yang mereka tulis. Menurut tafsirannya, qalamlah yang pertama dijadikan Allah. *Qalam* Allah mencatatkan segala kejadian – hingga ke hari kiamat. Segala catatan tersebut tersimpan di Luh Mahfuz. Lihat, Maznah Awang *et al.*, *Ensiklopedia Islam*, Jilid 8 , hal 205, 206.

²⁵⁷ “*al-Qalam* telah diangkat dan segala lembaran telah kering” bermaksud, segala sesuatu telah ditulis dalam *al-Kitab* dan berlaku bertepatan dengan apa yang tertulis itu. Ini menunjukkan kesempurnaan

Baginya manusia tidak berkuasa memberi manfaat atau mudarat.²⁵⁸ al-Sayyid Sābiq menjelaskan, iktikad ini sudah pasti membentuk perjalanan hidup yang lurus dan konsisten. Ia membekalkan keberanian untuk menegakkan kebenaran dan menghancurkan kebatilan.²⁵⁹ Mereka yang berkeyakinan begini menurut 'Abd al-Hamid al-Sa'ih, tidak gentar mati di tangan musuh kerana yakin ajal maut telah ditetapkan.²⁶⁰

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah menerangkan bahawa individu yang beriman kepada qada' dan qadar juga sentiasa memaafkan kesalahan orang lain. Dia yakin apa yang dialaminya telah ditakdirkan sejak azali. Inilah sikap Rasullullah s.a.w. sebagaimana diterangkan oleh Anas bin Malik r.a.(m.712M/93H) dengan katanya:

خَدَّمْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَشْرَ سَنِينَ فَمَا أُمْرِيَ بِأَمْرٍ فَتَوَانَتْ عَنْهُ أَوْ
ضَيَّعَتْهُ فَلَامَنِي إِنْ لَمْ يَمْنِي أَحَدٌ مِّنْ أَهْلِ بَيْتِهِ إِلَّا قَالَ دُعْوَهُ فَلَوْ قَدِرْتُ أَوْ قَالَ لَوْ قَضَيْتُ أَنْ
يَكُونَ كَانَ²⁶¹

Maksudnya: "Aku telah berkhidmat kepada Rasulullah s.a.w. selama sepuluh tahun. Beliau tidak sekali-kali memarahi aku seandainya aku melengah-lengahkan atau tidak melakukan apa yang beliau suruh. Apabila ada di kalangan ahli keluarga beliau menegurku, beliau

ilmu Allah yang mengetahui segala sesuatu. Ia tidak bererti paksaan tetapi Allah menulis segala perkara kerana Dia mengetahui. Lihat, al-Sha'rāwī, Muhammad Mutawalli, *al-Fatāwā Kull mā Yuhimma al-Muslim fī Ḥayātih wa Yawmihi wa Ghadīh*, A addah wa Allaq Alayh wa Qaddam lah al-Jumailī, al-Sayyid (Dr.), Maktabah al-Qurān, Kaherah, t.t., hal. 338.

²⁵⁸ Abd al-Karim Zaydān, *Majmu'ah Buhūth Fiqhiyyah*, Mu'assasah al-Risālah, Beirut, 1987, hal. 235.

²⁵⁹ al-Sayyid Sābiq, *al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*, hal. 83. Lihat juga, al-Ghazālī, Muhammad, *Aqīdat al-Muslim*, Cet. 3, Dār al-Da'wah, li al-Tab' wa al-Nashr wa al-Tawzī', al-Iskandariyyah, 1990, hal. 111, Lihat juga al-Sā'ib, *Akīdah al-Muslim wa mā Yattaṣil bihā*, hal 146. Lihat juga, al-Ashqar, *al-Qadā' wa al-Qadar*, hal 112. Lihat juga, al-Būṭi, *Hurrīyyah al-Insān fi Zill 'Ubūdiyyatih li Allah*, hal 56.

²⁶⁰ Abd al-Karim Zaydān, *Majmu'ah Buhūth Fiqhiyyah*, hal. 234. Lihat juga, al-Sā'ib, *Aqīdah al-Muslim wa mā Yattaṣil bihā*, hal 146. Lihat juga, Afīf Abd al-Fattāḥ Tabbārah, *Nadi Ajaran Islam*, terj. Md Akhir Haji Yaacob, hal. 215.

²⁶¹ Imām Ahmad bin Muhammed bin Ḥanbal, *Musnad al-Imām Ahmād bin Ḥanbal*, Raqqam Ahādīthah, Muhammed Abd al-Salām Abd al-Shāfi', Musnad Anas bin Mālik r.a., Hadis no. 13423, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1993, hal. 283. Lihat juga, al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq Muṣṭafā Dīb al-Bughā, Jilid 4, Bāb Ḥusn al-Khuluq, hadis no. 5691, hal. 2245. Lihat juga, Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, Taḥqīq Shu'ayb al-Ārnā'ūt, Juzuk 1, Kitāb al-Ilm, hadis no. 2893, hal. 152.

hanya akan berkata: "Biarkanlah dia, sesuatu yang telah ditakdirkan pasti terjadi".

Hadis di atas menyarankan agar seseorang tidak mengherdik atau mencela mereka yang taksir dalam menyempurnakan tanggungjawab. Berlainan dengan tanggungjawab terhadap Allah s.w.t. Saidatina Aisyah (m.678M/58H)²⁶² menggambarkan sikap Rasulullah s.a.w. berkaitan dengan hak Allah dengan katanya:

وَمَا انتقمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِنَفْسِهِ إِلَّا أَنْ تَتَهَكَّمْ حُرْمَةُ اللَّهِ فَيَنْتَقِمُ
263 اللَّهُ بِأَنَّهُ يَعْلَمُ

Rasulullah s.a.w. tidak pernah bertindak semata-mata untuk dirinya kecuali apabila perintah dilanggar. Apabila perintah Allah dilanggar, beliau akan bertindak semata-mata kerana Allah.

Dengan keterangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa umat Islam digalakkan memberi maaf terhadap kesalahan orang lain kerana itu adalah haknya. Dia boleh menggugurkan hak itu apabila dikehendaki. Lebih-lebih lagi apabila dia yakin benar bahawa apa yang terjadi itu memang telah ditakdirkan. Dia juga boleh membalas kezaliman yang dilakukan terhadapnya asalkan ia dilakukan dengan adil.

²⁶² Beliau adalah isteri ke tiga nabi Muhammad s.a.w. Beliau seorang yang rupawan, cerdik, pintar dan pandai mengambil hati Rasulullah s.a.w. Siti Aisyah memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam. Selepas kewafatan nabi, beliau menjadi tempat rujukan kaum muslimin dalam bidang hadis dan sunnah. Lebih kurang 2,110 hadis sahih diriwayatkan oleh beliau. Siti Aisyah meninggal dunia pada malam selasa, 17 Ramadan semasa berusia 66 tahun. Lihat, Maznah Awang *Ensiklopedia Islam*, hal-265. Lihat juga, _____, *al-Munjid fī al-Lughah wa al-Ālām*, hal. 363. Lihat juga, E. J. Brill, al-Kitābah, Nukhbah min Asātidhah al-Jāmi'āt al-Miṣriyyah wa al-'Arabiyah, *Mūjaz Dā'irah al-Mā'arif al-Iṣtāmiyyah*, Jilid 22, hal. 7037-7042.

²⁶³ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Tahqīq Muṣṭafā Dīb al-Bughā, Jilid 3, hadis no. 3367, hal. 1306.

Walau bagaimanapun dia tidak dibenarkan memaafkan kesalahan melanggar hukum atau tidak menyempurnakan hak Allah s.w.t.²⁶⁴

‘Abd al-Karīm Zaydān mengatakan, muslim yang beriman kepada qada’ dan qadar menyakini segala sesuatu adalah di bawah kekuasaan Allah s.w.t. Justeru, segala pertolongan diminta daripada Allah s.w.t. Dia tidak merasa lemah atau berputus asa. Tidak juga dapat dipermainkan syaitan dengan kata-kata ‘*kala*ulah aku buat begitu, sudah tentu tidak jadi begini’. Dia sedar perkataaan ‘*kala*u’ boleh mendatangkan kerugian kepada takdir, sedangkan apa yang ditakdirkan pasti berlaku.²⁶⁵

Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah, mukmin yang kuat akan berusaha untuk menjayakan apa yang dilakukan. Pada masa yang sama dia tidak semata-mata mengharapkan hasil usahanya. Dia yakin usaha yang tidak mendapat restu Allah tidak akan berjaya. Dia juga yakin tidak semua usaha mendapat kejayaan. Justeru, hanya Allah tempat bergantung.²⁶⁶

Pergantungan kepada Allah s.w.t. terserah pada Rasulullah s.a.w. ketika berada di dalam gua *Thur*.²⁶⁷ Ketika itu beliau bersembunyi daripada kafir Quraisy yang ingin membunuh beliau. Rasulullah tidak berharap terselamat daripada musuh melalui

²⁶⁴Untuk keterangan lanjut, sila lihat, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Sälíkīn*, Taḥqīq Muḥammad al-Muṭashim bi Allah, Jilid 1, hal. 213-215.

²⁶⁵‘Abd al-Karīm Zaydān, *Majmu’ah Buḥūth Fiqhīyyah*, hal. 238.

²⁶⁶Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Sälíkīn*, Taḥqīq Muḥammad al-Muṭashim bi Allah, Jilid 1, hal. 19.

²⁶⁷Gua Thur terletak di selatan Kota Mekah, manakala Yastrib terletak di utara Kota Mekah. Lihat al-al-Khuḍārī, Muḥammad, *Nūr al-Yaqīn fi Sirat al-Mursalin*, Taḥqīq Samīr Alḥamad al-Attār, Dār al-Fajr al-Islāmi, Beirut, 1988, hal. 127. Gua Thur terletak kira-kira 10 kilometer daripada Kota Mekah. Lihat, Afzalur Rahman, *Muhammad s.a.w. Ensiklopedia Sirah Sunah, Dakwah dan Islam*, terj. Zaharah Salleh, Jilid 1, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hal. 33.

persembunyiannya. Apa yang beliau sematkan ke dalam hati Abu Bakar al-Siddiq r.a.(573-634M)²⁶⁸ ketika itu ialah perlunya pergantungan penuh kepada Allah s.w.t. setelah berusaha. Ini jelas ketika beliau berkata kepada Abu Bakar *al-Siddiq* r.a. sebagaimana yang dirakamkan di dalam al-Quran, *Sūrah al-Tawbah*, 9:40:

﴿ إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِيَ اثْنَيْنِ إِذْ هُمْ فِي الْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَاحِبِهِ لَا تَحْزُنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا ﴾

Maksudnya: Kalau kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad) maka sesungguhnya Allah telahpun menolongnya, iaitu ketika kaum kafir (di Makkah) mengeluarkannya (dari negerinya Makkah) sedang ia salah seorang dari dua (sahabat) semasa mereka berlindung di dalam gua, ketika ia berkata kepada sahabatnya: "Janganlah engkau berduakacita, sesungguhnya Allah bersama kita".

Satu lagi contoh yang menggambarkan kesan ini ialah ketika peperangan Badar.²⁶⁹ Setelah membuat persiapan tentera dan menyusun strategi peperangan, Rasulullah s.a.w. berdoa berkali-kali dengan penuh khusuk agar Allah s.w.t. memberikan kemenangan kepada tentera Islam. Imam Muslim meriwayatkan dalam

²⁶⁸Khalifah pertama selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Memerintah pada tahun 632 hingga 634 Masihi. Beliau dilahirkan di Kota Mekah pada tahun 573 masih, dua tahun selepas perisira Tahun Gajah. Nama dan keturunan beliau ialah Abdullah bin Uthman bin Ka ab bin Sa'd bin Taym bin Murrah bin Ka'ab bin Lu'ay bin al-Taimy al-Qurashiy. Mempunyai dua kunyah iaitu al-Siddiq dan *al-Atiq*. Beliau digelar *al-Siddiq* kerana mempercayai tanpa ragu cerita nabi tentang Israk dan Mikraj. Gelaran *al-Atiq* pula sempena sabda Rasulullah kepadanya yang bermaksud: "Kamu adalah orang yang bebas daripada api neraka". Lihat, Maznah Awang *et al.*, *Ensiklopedia Islam*, Jilid 1, hal 94. Lihat juga, _____, *Ensiklopedia Malaysiana*, Jilid 1, hal. 94.

²⁶⁹Badar adalah sebuah tempat yang terletak di sebelah barat daya Madinah. Di sinilah berlakunya peperangan Badar pada 17 Ramadan tahun 2 Hijrah. Tentera Islam yang menyertai peperangan ini seramai 313 orang dan tentera musuh lebih kurang 1 000 orang. Tentera Islam mendapat kemenangan di dalam peperangan ini. Seramai 14 orang tentera muslimin mati syahid manakala 70 orang tentera musyrikin terbunuh dan 70 lagi ditawan. Abu Jahal turut terbunuh di dalam peperangan ini. Lihat, Maznah Awang *et al.*, *Ensiklopedia Islam*, Jilid 2, hal. 206. Badar juga adalah pasar perniagaan yang diadakan pada bulan Sya'ban setiap tahun. Pedagang atau peniaga berurusan jualbeli di situ selama lapan hari. Lihat, Abū Shuhbāh, Muḥammad bin Muḥammad (Dr.), *al-Širāh al-Nabawiyyah fī Qaw' al-Qurān wa al-Sunnah Dirāsah Muharrarah Jama at bayn Aṣ-ṣalāh al-Qadīm wa Jiddat al-Hadīth*, Jilid 2, Dār al-Qalam, Beirut, 1988, hal. 243.

ṣahīhnya apa yang diceritakan oleh Saidina Umar al-Khattab r.a.(548-644M) mengenai

Rasulullah s.a.w. ketika peperangan Badar, katanya:

لَا كَانَ يَوْمَ بَدْرٍ نَّظَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْمُشْرِكِينَ وَهُمْ أَلْفٌ
وَأَصْحَابُهُ ثَلَاثَ مَائَةٍ وَتِسْعَةَ عَشَرَ رِجَالًا فَاسْتَبَقَنِي اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْقِبْلَةَ
ثُمَّ مَدَ يَدِيهِ فَجَعَلَ يَهْتَفُ بِرَبِّهِ اللَّهِ أَنْزَلِ لِي مَا وَعَدْتَنِي اللَّهُمَّ أَتَ مَا وَعَدْتَنِي اللَّهُمَّ إِنْ
هَذِهِ الْعَصَابَةُ مِنْ أَهْلِ الْإِسْلَامِ لَا تَعْبُدْ فِي الْأَرْضِ فَمَا زَالَ يَهْتَفُ بِرَبِّهِ مَا دَادَ يَدِيهِ
مُسْتَبْقِلُ الْقِبْلَةِ حَتَّى سَقَطَ رَدَأُهُ عَنْ مَنْكِبِهِ فَاتَّاهَ أَبُو بَكْرٍ فَأَخْذَ رِدَاءَهُ فَلَقَاهُ عَلَى
منْكِبِي²⁷⁰

Maksudnya: Pada hari (peperangan) Badar Rasulullah s.a.w. melihat kaum musyrikin seramai 1,000 orang dan para sahabat seramai 319 orang, beliau terus mengadap kiblat kemudian mengangkat tangan berbisik dengan Tuhan (berdoa) dengan katanya: Ya Allah, tunaikanlah apa yang telah Engkau janjikan kepadaku. Ya Allah, andainya engkau membinasakan kumpulan Islam ini nescaya Engkau tidak akan disembah lagi di muka bumi. Rasulullah berterusan dengan doa itu sambil mengangkat tangan dan mengadap kiblat sehingga jatuh kain selendang daripada bahu beliau. Abu Bakar pergi ke tempatnya, mengambil selendang tersebut dan meletakkannya kembali ke bahu beliau.

Beriman kepada qada' dan qadar menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah menjadikan setiap muslim berusaha mencapai apa yang dihajati dan menghindari apa yang tidak diingini. Di dalam situasi ini, individu muslim tidak akan berpeluk tubuh menantikan takdir berlaku seperti sekujur mayat.²⁷¹ Kata Syeikh 'Abd al-Qādir al-

Jilānī (1077-1166M)²⁷²:

²⁷⁰ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Tahqīq Muḥammad Fuḍḍī 'Abd al-Bāqī, Jilid 3, Bāb al-Imdād bi al-Malā'ikah fī Ghazwah al-Badr, hadis no: 1763, hal. 1383-1384.

²⁷¹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Sālikin*, Tahqīq Muḥammad al-Mu'tasim bi Allah, Jilid 1, hal. 218.

²⁷² Beliau adalah 'Abd al-Qādir bin Mūsā bin Abdillah bin Yahyā al-Kilānī (atau al-Jilānī) al-Hasanī al-Šūfi. Tarikat *al-Qādiriyah* dinisbahkan kepada beliau. Dilahirkan di Kaylan pada tahun 470H. Beliau berhijrah ke Baghdad dan belajar Ilmu Hadis dan Fekah serta meninggal dunia di situ pada 561H. Di antara kitab-kitab karangan beliau ialah *al-Fatḥ al-Rabbānī wa al-Fayḍ al-Rahmānī*, *al-Ghāniyyah li Tālibī Tarīq al-Haqqaq*, *Jalā' al-Khāṭir fī al-Bāṭin wa al-Zāhir* dan *Sīr al-Asrār wa Mužhir al-Anwār*. Sila lihat, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Sālikin*, Tahqīq Muḥammad al-Mu'tasim bi Allah, Jilid 1, hal. 217. Lihat juga, E. J. Brill's, Edited by M. Th. Houtma et al., *E. J. Brill's First Encyclopedia of*

*"Kebanyakkan manusia apabila sampai ke perkara qada' dan qadar, mereka tidak akan memperkatakannya kecuali aku. Terbuka kepadaku suatu ruang padanya, lalu aku melawan takdir al-Haqq (Allah s.w.t.) dengan pertolongan al-Haqq kerana al-Haqq. Lelaki sebenar ialah mereka yang melawan takdir, tidak mereka yang hanya berserah kepada takdir".*²⁷³

Dia juga tidak mengambil sikap negatif seperti setengah masyarakat yang terpengaruh dengan fahaman *Jabariyyah*. Menurut Za'ba, sebagai penawar apabila berlaku perkara yang tidak diingini, mereka berkata:

*Jangan banyak fikir memikir
Takdir tidak dapat dimungkir
Nasib nak miskin tentulah fakir
Bolehkah takdir menyalahi takdir?*

*Rezeki secupak sudah terbentang
Ke mana dikejar tak dapat segantang!
Nasib berhutang mesti berhutang
Janji nak malang, malanglah datang!*

*Ada pertemuan tentu berkahwin!
Pertemuan habis talakklah bain!
Sampai ajal tiadalah lain
Mati tak sempat bersalin kain!*²⁷⁴

Menurut Muhammad Qutb, akidah qada' dan qadar mengajar individu muslim supaya berjaga-jaga agar tidak ditimpa bahanaya. Dalam masa yang sama mengambil inisiatif bagi mengatasi masalah. Sebagai contoh, sajian pemakanan mesti dijaga agar tidak mendapat penyakit dan tempat wabak hendaklah dijauhi agar tidak dijangkiti.²⁷⁵ Kata Ibn Qayyim al-Jawziyyah, begitu jugalah dengan memakan ubat ketika sakit,

Islam 1913-1936, Tuta Sub Aegide Pallas 1683, Leiden, 1993, hal. 41. Lihat juga, _____, *Ensiklopedia Malaysiana*, Jilid 1, hal. 26. *Ibid*, Jilid 11, hal. 50.

²⁷³ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Salikin*, Tahqiq Muhammad al-Mu'tashim bi Allah, Jilid 1, hal. 217. Lihat juga, Ibn Taymiyyah, al-Imām al-'Allāmah Taqī al-Dīn, *al-'Ubūdiyyah*, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1981, hal. 9. Lihat juga, Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatāwā*, Jam wa Tartīb Abd al-Rahmān bin Muhammad, Jilid 8, hal. 306.

²⁷⁴ Za'ba, *Falsafah Takdir*, suntingan Hamdan Hasan, hal. 68.

²⁷⁵ Untuk keterangan lebih lanjut sila lihat, Muhammad Qutb, *Mafāhīm Yanbaghī an Tuṣāḥḥah*, Cet. 7, Dār Shurūq, Kaherah, 1992, hal. 278. Lihat juga, al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, Tahqiq al-Bardūnī, Jilid 3, hal. 233-234.

menyediakan peralatan perang untuk menghalang musuh yang menceroboh atau bertaubat setelah terlanjur melakukan maksiat.²⁷⁶

Menurut Hamka,²⁷⁷ orang yang beriman kepada qada' dan qadar akan sentiasa sedar bahawa amalan soleh semata-mata anugerah Ilahi. Justeru, dia tidak merasa takabur atau ujub. Dia sedar tanpa pertolongan Allah ibadat dan kebajikan tidak dapat dilakukan. Dia akan sentiasa tawaduk dan bersyukur kerana diberi hidayat dan taufik.²⁷⁸ Dia merasa amat memerlukan Allah di sepanjang hayatnya. Dia juga mengharapkan rahmat pengampunan Allah tanpa mengharapkan hasil amalan kebajikannya. Dia yakin kejayaan di akhirat tidak tergantung kepada amal baik yang dilakukan. Kata Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah:

Andainya Dia mengazab makhluk di langit dan bumi, nescaya pengazaban tersebut dilakukan tanpa menzalimi mereka. Sekiranya Dia merahmati mereka, rahmat-Nya adalah lebih baik daripada amalan mereka...

Beliau berdalilkan hadis yang berbunyi:



²⁷⁶Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Sālikin*, Taḥqīq Muḥammad al-Muṭasim bi Allāh, Jilid 1, hal. 218.

²⁷⁷Nama sebenarnya ialah Haji Abdul Malek Karim Amrullah. Beliau dilahirkan di Sungai Batang, Maninjau pada 16 Februari 1908M bersamaan 14 Muharam 1326H. Ayahnya merupakan seorang ulama Islam yang terkenal yang membawakan Islam di Minangkabau. Hamka mendapat pendidikan agama daripada ayahnya. Beliau mempelajari al-Quran daripada ayahnya sehingga khatam. Ketika berusia 7 tahun, Hamka dimasukkan ke sekolah desa di Padang Panjang. Dalam tahun 1924, beliau berangkat ke Jakarta dan mendapat kursus pergerakan-pergerakan Islam. Pada tahun 1925, Hamka mula menceburkan diri dalam bidang penulisan dan karang-mengarang. Hamka seorang yang pintar dan bijak. Beliau terkenal sebagai ahli kesusastraan Melayu klasik. Beliau mahir dalam Bahasa Arab. Beliau juga merupakan ahli pengarang yang masyhur. Hamka juga terkenal sebagai ahli falsafah dan pujangga Islam. Selain itu, beliau juga merupakan tokoh agama yang banyak mengarang buku-buku agama. Lihat, Pendidikan Islam –Hamka, <http://www.terato.com/edu/agamaislam/tokoh-form5/hamka.htm>, 25 Mei 2001, Lihat juga, Seminar Pemikiran Hamka, <http://dbp.gov.my/dbp98/berita/hamka.htm>, 25 Mei 2001. Sila Lihat, Seminar Pemikiran Hamka, <http://dbp.gov.my/dbp98/berita/hamka.htm>, 25 Mei 2001.

²⁷⁸Haji Abdul Malik Karim Amrullah, *Pelajaran Agama Islam*, Cet. 2, Pustaka Aman Press, Kelantan, 1971, hal.420. Lihat juga, Zaydān, Abd al-Karim, *Majmū’ah Buhūth Fiqhiyyah*, hal. 241. Lihat juga, al-Maydāni, *al-Aqīdah al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, hal. 686. Lihat juga al-Salmān, *al-Kawāshif al-Jaliyyah ‘an Ma ḥāfiẓ al-Wāsiṭiyyah*, hal. 369.

لَا يَدْخُلُ أَحَدًا مِنْكُمْ عَمَلَهُ الْجُنَاحُ قَالُوا وَلَا أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ وَلَا أَنَا إِلَّا أَنْ
يَعْمَدُنِي اللَّهُ مِنْهُ بِفَضْلٍ وَرَحْمَةٍ²⁷⁹

Maksudnya: "Amalan soerang daripada kamu tidak boleh memasukkannya ke dalam syurga. Mereka bertanya (*para sahabat*), termasuk tuanhamba wahai rasulullah? Jawab beliau: Termasuk saya, kecuali sekiranya Allah melimpahkan kurniaan dan rahmat kepada saya." ;

Menurutnya lagi, hadis di atas tidak bertentangan dengan ayat dalam surah *al-Nahl* 16:32 "ادْخُلُو اِلْجَنَّةَ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ" yang bermaksud: *Masuklah syurga dengan amalan baik yang kamu kerjakan*. Ayat tersebut menafikan masuk syurga semata-mata dengan amalan. Ia juga menafikan bahawa amalan adalah bayaran atau tukaran untuk memasuki syurga.²⁸⁰ Ini kerana menurut Ibn Taymiyyah, huruf *bā'* pada perkataan بِما di dalam ayat tersebut adalah *bā' al-sabab* bukan *bā' al-muqābalah*.²⁸¹ Hakikatnya, menurut Ahmad al-Husaynī, amalan baik hanyalah sebab yang tidak semestinya memberikan kesan. Hanya pengampunan, rahmat dan anugerah Allah penentu kesudahan hamba sama ada bahagia atau celaka.²⁸²

Justeru, dia tidak merasa lebih mulia daripada orang lain atau mengharapkan balasan terhadap kebaikan yang dilakukan. Tiada guna dia bersikap ego, bongkok, takabur atau meninggi diri terhadap orang lain. Tiada guna meminta balasan daripada mereka yang termakan budinya kerana itu memang hak mereka. Perbuatannya yang

²⁷⁹Lihat, Imām Ahmad, *al-Muṣnād*, Sharaḥah wa Waḍā Fahārisah Ahmād Muḥammad Shākir, Jilid 14, hadis no. 7577, hal 22, *Ibid.*, Jilid 12, hadis no. 7202, hal. 192, *Ibid.*, Juzuk 13, hadis no. 7473, hal. 218.

²⁸⁰Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Maḍārij al-Sälíkīn*, Tabqīq Muḥammad al-Mu'taṣim bi Allāh, Jilid 1, hal. 115-116

²⁸¹Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatawā*, Jam wa Tartīb 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad, Jilid 8, hal. 70.

²⁸²al-Husaynī, Ahmad bin Muḥammad bin Ajibah (1266 H), *Īqāz al-Himām fī Sharḥ al-Hikam*, Cet. 3, Sharikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Aulādūh, Kaherah, 1982 hal. 513. Lihat juga Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatawā*, Jam wa Tartīb 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad, Jilid 8, hal. 70-71. Lihat juga, Zaydān, Abd al-Karīm, *Majmū' ah Buhūth Fiqhīyyah*, hal. 241.

Setiap orang Islam tidak akan terlepas daripada bala dan ujian daripada Allah

s.w.t.²⁸⁷ Firman Allah, *Sūrah al-Baqarah*, 2:214:

Maksudnya: Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kepapaan (kemusnahan hartabenda) dan serangan penyakit, serta digöncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya: Bilakah (datangnya) pertolongan Allah?" Ketahuilah sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah).

Sa'd bin Abi Waqqās r.a. (m.675M/55H)²⁸⁸ bertanya Rasulullah s.a.w., katanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ النَّاسِ أَشَدُ بَلَاءً قَالَ الْأَنْبِيَاءُ ثُمَّ الْأَمْمَلُ فَيَقُولُ الرَّجُلُ عَلَى حَسْبِ دِينِهِ فَإِنْ كَانَ دِينُهُ صَلْبًا أَشَدُ بَلَاءً وَإِنْ كَانَ فِي دِينِهِ رَقَّةٌ إِبْلِيٌّ عَلَى حَسْبِ دِينِهِ فَمَا يَرِحُ الْبَلَاءُ بِالْعَبْدِ حَتَّى يَتَرَكَهُ يَمْشِي عَلَى الْأَرْضِ مَا عَلَيْهِ خَطْبَيْهِ²⁸⁹

Maksudnya: Wahai Rasulullah, Di kalangan manusia, siapakah yang paling teruk ditimpa bala (ujian)? Jawab baginda: Para nabi kemudian mereka yang kedudukannya di bawah nabi kemudian yang lebih bawah lagi. Diturunkan bala kepada hamba mengikut agamanya. Andainya dia teguh berpegang kepada agama maka bertambah banyaklah bala yang akan menimpanya. Andainya dia lemah dalam agama maka ditimpakan bala mengikuti kedudukan agamanya. Bala akan sentiasa menimpak hamba itu sehingga dia berjalan di atas muka bumi tanpa menanggung dosa.

²⁸⁷ Lihat tentang ujian kepada hamba, Abū Fāris, Muhammād 'Abd al-Qādir (Dr), *al-Ibtīlā' wa al-Mīḥān fi al-Dā'awāt*, Dār al-Tawzī' Wa al-Nashr, Kaherah, hal. 46- 95.

²⁸⁸ Salah seorang daripada 10 orang sahabat yang dijamin masuk syurga. Nama dan keturunan beliau ialah Sa'd bin Mālik bin Wuhayb/Uhayb bin Abd Manāf bin Zuhrah bin Kilāb bin Murrah bin Ka ab bin Lu'ay al-Qurashi al-Zuhri al-Makki al-Madanī. Kunyah beliau ialah Abu Ishāq. Ibunya ialah Hamnah binti Sufyān bin Umayyah bin 'Abd Shams. Keturunan beliau bertemu Rasulullah s.a.w. pada sebelah ibunya kerana beliau adalah anak kepada bapa saudara ibu Rasulullah. Beliau juga salah seorang daripada enam orang sahabat yang diberi kepercayaan oleh Sayyidina Umar untuk dipilih menjadi khalifah selepas beliau wafat. Beliau terkenal sebagai seorang yang gagah, berani dan garang. Beliau meriwayatkan sebanyak 270 buah hadis daripada Rasulullah s.a.w. Beliau meninggal dunia di istananya di al-Āqiq (10 batu dari Madinah) pada tahun 55 hijrah dan disemadikan di tanah perkuburan al-Baqī' di Madinah. Sila lihat, Abu al-Faraīj, *Ṣafwat al-Ṣafwah*, Jilid 2, hal 356-261. Lihat juga, Abū al-Ḥusayn-'Abd al-Bāqī bin Qāni', *Mujam al-Ṣāḥabah*, hal. 247.

²⁸⁹ al-Turmidī, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ wa hu Sunan al-Turmidī*, Tahqīq Kamāl Yūsuf al-Ḥūt, Jilid 4, Kitāb al-Zuhd, Hadis no. 2398, hal. 520. Lihat juga, al-Maqdīsī, *al-Āhādīth al-Mukhtārah*, Tahqīq 'Abd al-Mālik bin Abddillah, Jilid 3, hal. 253.

Firman Allah s.w.t., *Sūrah al-Ankabūt*, 29:2-3:

Maksudnya: Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuiNya tentang orang-orang yang berdusta.

Inilah peraturan yang Allah tetapkan. Kendatipun begitu, musibah sedikitpun tidak menggugat keimanan seorang muslim kerana yakin takdir pasti terjadi. Firman Allah s.w.t., *Sūrah al-Taghābūn*, 64:11:

Maksudnya:Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpaseseorang) melainkan dengan izin Allah; dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar).

Menurut al-Qurtubī²⁹⁰, ayat di atas menceritakan keadaan seorang hamba yang ditimpa musibah lalu dia reda dan bersabar kerana mengetahui ianya datang daripada Allah.²⁹⁰ Bersesuaian pula dengan hadis Rasulullah s.a.w. riwayat Imam Ahmad:

لكل شيء حقيقة وما بلغ عبد الله حق يعلم أن ما أصابه لم يكن ليخطئه
وما أخطأه لم يكن ليصيبه²⁹¹

Maksudnya: Setiap sesuatu itu ada hakikatnya. Seorang hamba tidak akan sampai kepada hakikat keimanan sehingga dia menyakini bahawa apa yang telah ditetapkan menimpanya tidak akan melepasinya dan apa yang tidak ditetapkan menimpanya tidak akan menimpanya.

²⁹⁰al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, Tahqīq al-Bardūnī, Jilid 18, hal. 139. Lihat juga, al-Tabārī, *Jāmi' al-Bayān an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*, Jilid 28, hal 123.

²⁹¹Abmad bin Hanbal, Abu Abdillah al-Shaybānī, Musnad Abmad, Juzuk 6, t.c., hadis no. 27530, Maktabah Qurṭubah, Miṣr, t.t., hal. 441. Lihat juga, al-Ṭabarānī, Abū al-Qāsim, Sulaymān bin Abmad, *al-Mujam al-Awsat*, Tahqīq Tāriq bin Iwād Allah bin Muḥammad, Jilid 2, t.c., hadis no. 1955, Dār al-Ḥaramayn, Kaherah, 1415H, hal. 271.

Ibn Hazm (m.M/548H) berkata, setiap muslim menyakini apa yang ditakdirkan kepadanya pasti berlaku dan begitulah sebaliknya.²⁹² Jesteru, menurut al-Saghari^j, dia reda dan berserah kepada Allah. Dia juga bersabar menghadapi musibah yang menimpa. Sabar yang dimaksudkan ialah tidak mengeluh, tidak merasa sempit, runsing, juga tidak menyalahkan takdir.²⁹³ Ketika itu, layaklah dia dimasukkan ke dalam golongan yang disifatkan oleh Allah s.w.t. melalui Firman-Nya, *Sūrah al-Baqarah*, 2:155-156:

Maksudnya: Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar: (aitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali."

Apabila musibah menimpa Dia akan mengatasinya. Sakit diatasi dengan berubat Andainya penyakit tidak sembuh dia yakin terdapat hikmat tertentu di sebaliknya. Andainya penyakit tersebut menyebabkan kematian, dia menyakini ketentuan ajal. Dia sedar jiwa raganya adalah milik Allah dan Dia berhak melakukan apa sahaja terhadap jiwa tersebut. Baginya bersabar adalah sebaik-baik bekalan. Tiada guna berteriak tangis apa yang ditakdirkan telah terjadi.

Menurut 'Umar Sulaymān al-Ashqar, hati sentiasa berbolak-balik dan banyak menerima dugaan yang membawa kepada penderhakaan. Ini dijelaskan menerusi firman Allah s.w.t. dan hadis Rasulullah s.a.w. Firman Allah, *Sūrah al-A'rāf*, 7:99:

²⁹²Ibn Hazm al-Andalusi, *Ilm al-Kalām alā Madhhāb Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, Tahqīq Alīmad Ḥijāzī Ahmad al-Saqā, 1989, hal. 79.

²⁹³As ad Muhammad Sa'id al-Saghari, *Silsilah Shu'ab al-Imān al-Šabr alā al-Maṣā'ib*, Cet.1, Dār al-Qiblāh li al-Thaqāfah al-Islāmiyyah, Judah, 1993, hal. 7. Lihat juga, Zaydān, Abd al-Karīm, *Majmū'ah Buhūth Fiqhiyyah*, hal. 245. Lihat juga, al-Sayyid Sābiq, *al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*, hal. 83.

Maksudnya: Patutkah mereka (bersukaria) sehingga mereka merasa aman akan rancangan buruk (balasan azab) yang diatur oleh Allah? Kerana sebenarnya tidak ada yang merasa aman dari rancangan buruk (balasan azab) yang diatur oleh Allah itu melainkan orang-orang yang rugi.

Anas bin Malik r.a. berkata:

كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يكثر أن يقول يا مقلب القلوب ثبت قلبي على
دينك فقلت يا رسول الله آمنا بك وعما جئت به فهل تخاف علينا قال نعم إن القلوب
بین أصبعين من أصابع الله يقلبهما كيف يشاء²⁹⁴

Maksudnya: Rasulullah s.a.w. banyak berdoa dengan mengatakan: Wahai Tuhan yang membolak-balikkan hati-hati, tetapkanlah hati aku dengan agama-Mu. Aku bertanya: Wahai rasulullah, kami telah beriman dengan tuanhamba dan dengan segala yang tuanhamba bawa, adakah tuanhamba takut sesuatu yang tidak baik terjadi kepada kami? Rasulullah s.a.w. menjawab: Ya, (kerana) sesungguhnya hati-hati itu berada di antara dua jari daripada jari-jemari tuhan. Dia boleh membolak-balikkannya mengikut kehendaknya.

Menyedari hakikat ini, sudah tentu setiap muslim sentiasa berjaga-jaga dalam setiap tindakan yang dilakukan. Dia tidak merasa terlepas daripada ujian dan musibah walaupun telah beriman.²⁹⁵



Dia sentiasa merasa takut tersesat jalan atau mati dengan kesudahan yang buruk. Perasaan ini sudah tentu akan melenyapkan sifat malas atau suka bertangguh. Dia pasti akan berusaha sedaya-upaya melakukan amalan baik dan menjauhi amalan keji. Seterusnya dia mengharapkan hasil baik daripada usaha yang dicurahkan. Andainya usaha pertama tidak membawa hasil, dia mengharapkan usaha seterusnya tanpa berputus asa.

²⁹⁴ al-Turmidī, *al-Jāmī' al-Ṣāḥīḥ wa hu Sunan al-Turmidī*, Tahqīq Kamāl Yūsuf al-Hūt, Jilid 4, Kitāb al- al-Qadar, hadis no. 2140, hal. 390-391.

²⁹⁵ al-Ashqar, *al-Qadā' wa al-Qadar*, hal 111.

3.5 Kesimpulan

Menerusi kesan-kesan yang telah penulis bentangkan, dapatlah penulis simpulkan bahawa beriman kepada qada' dan qadar menjadikan seorang individu mendapat kebaikan dan keredaan Ilahi dalam pelbagai situasi. Dia bersyukur terhadap nikmat, bersabar terhadap ujian dan bertaubat terhadap kesilapan. Dia sentiasa tenang kerana berfikiran positif dan optimis serta berperasangka baik terhadap Allah dan semua makhluk. Justeru, dia sentiasa berusaha mencapai yang terbaik kerana berharap apa yang tertulis untuknya di Luh Mahfuz adalah kebaikan dan kebahagiaan. Matlamat hidupnya adalah mendapatkan keredaan Allah dengan menjadi hamba yang berakhlaq mulia. Sebagai contoh, dia akan merealisasikan kehendak yang digambarkan oleh *Sūrah al-Furqān*, 25:63-77 sebagai salah seorang daripada 'ibād al-Rahmān. Dia juga akan menjadi seorang mukmin yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w.:

عَجِبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنْ أَمْرُهُ كُلُّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَلِكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ إِنْ أَصْبَابَهُ سَرَاءٌ شَكَرٌ
فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصْبَابَهُ ضَرَاءٌ صَبَرٌ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ²⁹⁶

Maksudnya: "Amat menghairankan keadaan seorang muslim, semua suasinya dalam keadaan baik. Keadaan sebegini hanya ada pada seorang mukmin. Apabila dia menperolehi kesenangan dia akan syukur dan apabila dia diitimpaksesusan dia akan bersabar. Semuanya itu mendatangkan kebaikan kepadanya".

Keperibadian ini seterusnya ditanamkan kepada ahli keluarga, masyarakat dan pemimpin-pemimpin negara. Akhirnya sejahtera diri, masyarakat dan negara. Ketika

²⁹⁶ Muslim, *Šaḥīḥ Muslim*, Tahqīq Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, Bāb al-Mu'min Amruh Kulluh Khayr, Juzuk 4, hal. 2295. Lihat juga, Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqī, *al-Ārba'ūn al-Sughrā, al-Mukharrajah fī Āḥwāl 'Ibād Allāh Ta'ālā wa Akhlāqihim*, Tahqīq Muḥammad al-Sa'id bin Basyūni Zaghlūl, Dār al-Kutub al-'Imiyah, Beirut, 1987, hal. 79.

itu akan wujudlah negeri dan negara yang digambarkan di dalam al-Quran melalui firman Allah s.w.t., *Sūrah Saba'*, 34:15.

Maksudnya:(Negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun.